ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH
"UNTUK menghormati Ramadan sebagai 'bulan Al-Quran', kerajaan beta memendekkan waktu bekerja dari jam 7.45 pagi sehingga 4.30 petang kepada 8.00 pagi sehingga 2.00 petang".
-Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1437H / 2016M.

# Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN
"WAHAI manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168.

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.11 | 3.33 | 6.06 | 7.20 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 145 | 4 DISEMBER 2019 / 1441 ربيع الأخير 7 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# Al-Quran sebagai panduan hidup belia syumul



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda pada Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (*Lihat muka 3 hingga 4*).

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 3 Disember. - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) adalah peluang keemasan kepada para belia rantau ini untuk saling memperbaharui semangat perpaduan dan ukhuwah yang sedia terjalin, di samping mempertingkatkan lagi interaksi rakyat dengan rakyat sebagai teras kepada hubungan harmoni di antara penduduk serantau yang berbilang bangsa dan agama.

Berpegang kepada matlamat yang sama, iaitu melahirkan lebih ramai generasi belia yang menjadikan pembacaan dan pengajian Al-Quran sebagai amalan lazim, terutama ke arah membentuk generasi insan yang benar-benar menghayati dan menjiwai Kitab Suci Al-Quran sebagai panduan hidup yang syumul.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian semasa Majlis Pembukaan Rasmi MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

**Ke muka 3**

IKUTI KAMI DI
APLIKASI MUDAH ALIH *InfoDeptBN*
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

## Adi Salihin sumbang pingat emas pertama negara

**Berita dan Foto : Aimi Sani**

**MANILA, REPUBLIK FILIPINA,** Isnin, 2 Disember. - Atlet wushu negara, Mohammad Adi Salihin bin Roslan menjadi penyumbang pingat emas pertama kontinjen Brunei pada Temasya Sukan SEA 2019 selepas mendominasi acara Men's Taolu iaitu gabungan Men's Nandao dan Men's Nangun di Pusat Dagangan Dunia (World Trade Center - WTC), Metro Manila, di sini.

**Ke muka 6**



YDP MMN terima kunjungan hormat **Muka 8**




KEKALKAN Tarian Adai-Adai, khazanah warisan budaya **Muka 21**

# Berganding bahu meningkatkan kualiti hidup golongan OKU

**Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 3 Disember. - Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan sambutan yang signifikan dan diraikan oleh negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) pada setiap 3 Disember.

Sambutan ini, menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam Perutusan sempena Hari Antarabangsa OKU 2019, meraikan pencapaian OKU dalam perkembangan masyarakat dari aspek penglibatan dan kemajuan di dalam bidang sosial, ekonomi juga budaya.

Di NBD, Hari Antarabangsa OKU juga diraikan oleh semua lapisan masyarakat daripada individu OKU, ibu bapa, belia, persatuan-persatuan kebajikan OKU, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta, melalui acara-acara, termasuk Doa Kesyukuran, Ceramah Motivasi dan Forum.

Tema Sambutan Hari Antarabangsa OKU pada tahun ini adalah 'Promoting Tthe Participation of Persons with Disabilities and Their Leadership : Taking Action on The 2030 Development Agenda'.

Dengan hala tuju tema ini, semua lapisan masyarakat digalakkan untuk turut sama memperkasa golongan OKU dan mempromosikan penglibatan OKU, khususnya dalam merealisasikan Agenda Pembangunan 2030 dari segi pembangunan yang inklusif, saksama dan mampan.

**Ke muka 12**

# Kepentingan falsafah pendidikan dalam Revolusi Industri 4.0

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH,** peramba / saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam Majlis Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2019 (The International Conference on Teachers Education in 2019 - ICOTE) dengan tema 'Falsafah Pendidikan Pemangkin Pembangunan Pendidikan Abad Ke-21'.

Peramba / saya sukacita mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Persidangan kerana berkesudian menjemput peramba / saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengucapkan tahniah dan syabas di atas penganjuran persidangan yang bermanfaat ini.

ICOTE 2019 ini adalah salah satu aktiviti ilmiah yang diungkayahkan oleh fakulti pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Persidangan ini merupakan salah satu platform untuk mendukung dan membarigakan lagi kepentingan memahami falsafah pendidikan dan pelaksanaannya dalam era Revolusi Industri 4.0 ini. Pemahaman tentang falsafah, visi dan misi dalam konteks pendidikan dan perguruan menjadi penyumbang utama kepada pembangunan sesebuah negara. Ia juga dapat melestarikan ketamadunan keilmuan sesebuah negara dengan mengambil kira kepentingan aspek mental dan fizikal serta aspek rohani dan spiritual.

Sejarah telah membuktikan bahawa tokoh-tokoh ilmuwan Islam seperti al-Ghazali, Ibn Sina, Ibn Khaldun, Ibn Jama'ah, Imam An-Nawawi dan lain-lain lagi telah membicarakan tentang epistemologi ilmu secara komprehensif sebagai panduan kepada pemikir pendidikan dan perguruan dalam merangka dan membina falsafah pendidikan dan program profesionalisme keguruan. Begitu juga tokoh-tokoh pendidikan Islam moden seperti Al-Toumi Al-Syaibani, Majid Arsan Al-Kailani, Syed Naquib Al-Attas dan lain-lain lagi telah memposisikan kepentingan falsafah pendidikan dan keguruan sesuai dengan perubahan arus moden.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang berdaulat dengan pegangan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) untuk sekian lama, terus kukuh berdiri tegak dan istiqamah dalam memartabatkan pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah, kolej dan universiti awam tempatan. Kerjasama erat antara



**TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi The International Conference On Teacher Education 2019 (ICOTE 2019) anjuran Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan 1441 Hijrah / 2019 Masihi pada Isnin, 14 Rabiulawal 1441H bersamaan 11 November 2019M di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.**

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam bidang pendidikan ini sentiasa berusaha meningkatkan kaedah penyampaian ilmu, kemahiran dan syahsiah serta jati diri pelajar supaya sentiasa relevan dengan arus perubahan dunia.

Wacana dan diskusi ilmiah berkaitan falsafah dan profesionalisme keguruan memainkan peranan penting dalam menyumbang dan membangunkan negara dan modal insan lebih-lebih lagi dalam sama-sama mendukung hasrat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan ke arah mencapai Wawasan Negara 2035. Justeru, ICOTE 2019 ini boleh menjadi wadah ke arah meningkatkan profesion keguruan dalam membentuk masyarakat dan pembangunan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah sempena Majlis Konvokesyen Ketujuh KUPU SB Tahun 1439H / 2017M, antara petikan titah tersebut :

*"Negara sangat memerlukan disiplin-disiplin yang bermanfaat untuk pembangunan modal insan. Adalah tidak memadai, kita belajar hanya untuk ilmu, tetapi ilmu mesti dipelajari untuk jadi pelengkap.*

*Setiap pusat pengajian tinggi hendaklah sentiasa menilai program yang ditawarkan, supaya kandungan kurikulumnya tetap relevan dan praktis dengan keperluankeperluan semasa. Ini termasuklah kaedah pengajaran dan penilaian perkembangan pelajar.*

*Dalam konteks ini juga, pusat pengajian tinggi perlu untuk memastikan staf akademiknya memiliki ciri-ciri profesional yang tinggi, yang mampu menghidangkan pendekatan-pendekatan yang efektif dan inovatif serta dapat pula membuat penilaian perkembangan pelajar secara holistik dan saksama.*

*Beta mengambil maklum, bahawa KUPU SB telah menyediakan beberapa kompetensi dalam usaha melahirkan graduan pendidik yang berjati diri. KUPU SB juga sedang giat memantapkan program - program bagi mencapai kompetensi berkenaan.*

*Usaha ini sangatlah wajar dan bagus. Namun kaedah penilaian mestilah juga kemas dan sistematik, supaya para graduan benar-benar mencapai kualiti kompetensi yang diharapkan.*

*Pendeknya, semua pusat pengajian tinggi, perlu bergerak mengemaskan program dan kokurikulum masing-masing, supaya dapat melahirkan para graduan yang seimbang dan holistik dari aspek-aspek kerohanian, intelek, jasmani, keusahawanan dan kemasyarakatan."* Demikian titah baginda.

Peramba / saya berharap menerusi objektif persidangan kali ini sebagaimana dimaklumkan kepada peramba / saya iaitu bagi perkongsian pengalaman, peranan dan pelaksanaan falsafah pendidikan dalam sistem pendidikan, meninjau kepentingan falsafah pendidikan dan kurikulum dalam era Revolusi Industri 4.0 dan meneroka peranan falsafah pendidikan Islam dalam pembentukan modal insan berdaya saing dalam kalangan tenaga akademik di peringkat sekolah, kolej dan universiti dalam dan luar negara akan dapat mengukuhkan lagi hasrat kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu.

Peramba / saya yakin persidangan ini akan dapat seterusnya memantapkan lagi pemahaman dan pelaksanaan epistemologi ilmu dalam kerangka pendidikan dan keguruan di samping membahaskan pendekatan dan pedagogi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ke muka 9

## Dari Sidang Pengarang.

4 DISEMBER 2019 BERSAMAAN 1441 7 ربيع الأخير

### GIATKAN USAHA DALAM MENANGANI JANGKITAN HIV / AIDS

**HARI** AIDS Sedunia disambut setiap tahun pada 1 Disember di seluruh dunia bagi meningkatkan kesedaran mengenai jangkitan HIV dan langkah-langkah pencegahan serta rawatan ke arah mengakhiri AIDS pada tahun 2030. Selain itu, ia juga dijadikan sebagai satu platform bagi semua pihak untuk memperbaharui komitmen dan tekad dalam sama-sama mempergiatkan lagi usaha dalam menangani jangkitan HIV / AIDS.

Jangkitan HIV merupakan salah satu penyakit berjangkit yang sehingga kini masih menjadi isu utama kesihatan awam yang mendapat perhatian dari seluruh dunia. Ia dapat dijangkiti melalui tingkah laku yang berisiko seperti hubungan seks yang tidak selamat dan perkongsian jarum suntikan atau peralatan dadah yang tercemar; pencemaran cecair badan seperti darah, susu ibu dan juga dari ibu ke anaknya semasa dalam kandungan dan ketika melahirkan. Tanpa rawatan berkesan yang merangkumi kombinasi ubat Antiretroviral (ART), sistem imun seseorang yang dijangkiti itu akan semakin menjadi lemah hingga tidak berupaya untuk melawan jangkitan dan menangani penyakit-penyakit lain.

Setakat ini, jangkitan HIV telah meragut lebih daripada 32 juta nyawa dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan terdapat lebih daripada 37.9 juta orang hidup dengan HIV pada hujung tahun 2018 di seluruh dunia.

Di Negara Brunei Darussalam pula dari tahun 1986 sehingga menjelang akhir tahun 2018, seramai 247 orang telah disahkan dijangkiti HIV dalam kalangan warga negara dan penduduk tetap. Daripada jumlah tersebut, seramai 191 (77 peratus) orang masih hidup dengan HIV. Jumlah kes tertinggi yang dilaporkan adalah pada tahun 2018 iaitu sebanyak 41 kes, di mana 93 peratus adalah terdiri daripada lelaki (38 kes) dan 32 peratus (13) kes adalah dalam lingkungan usia 25 - 29 tahun. Sebahagian besar jangkitan adalah disebabkan tingkah laku yang tidak selamat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar ketika berucap semasa merasmikan Forum Implikasi HIV Di Tempat Kerja Sempena Hari AIDS Sedunia 2019 baru-baru ini menegaskan bahawa jika perkara ini tidak dibendung segera, dikhuatiri bilangan kes baharu HIV akan meningkat lagi dan menggagalkan matlamat negara untuk membanteras AIDS menjelang tahun 2030. Justeru itu, jelas Yang Berhormat, aktiviti - aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan sedia ada seperti saringan HIV, pendidikan pencegahan, amalan pencegahan jangkitan yang berkesan khususnya kepada kumpulan berisiko tinggi perlu diperkukuhkan dan diteruskan.

Kemudahan-kemudahan kesihatan yang diberikan di hospital dan pusat-pusat kesihatan di seluruh negara untuk mengesan jangkitan HIV dan rawatan ART yang boleh menyekat replikasi penyebaran jangkitan, hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang memerlukannya; tanpa risiko diskriminasi dan secara *confidential* atau dalam keadaan yang sulit dengan penuh amanah. Jika seseorang itu mendapatkan ujian awal, rawatan juga akan dapat diberikan secepat mungkin untuk menyekat jangkitan HIV dan seterusnya meningkatkan peluang dan kebermungkinan seseorang itu untuk terus menjalani kehidupannya seperti biasa.

InsyaaAllah, dengan adanya strategi yang meliputi pelbagai pendekatan, daripada langkah-langkah pencegahan termasuk pencegahan diskriminasi, penyediaan perkhidmatan ujian, kaunseling dan rawatan serta dengan penglibatan rakan kongsi dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain, Negara Brunei Darussalam akan dapat sama-sama mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ketiga, iaitu kesihatan dan kesejahteraan, khususnya dalam mencapai sasaran untuk membanteras epidemik AIDS pada tahun 2030. **- Ketua Penyuntingan (Hj).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C | 30 / 24 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| KUALA BELAIT | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi DISEMBER | HARI | Hijrah RABIULAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | RABU | 7 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.11 | 3.33 | 6.06 | 7.20 |
| 5 | KHAMIS | 8 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.12 | 3.33 | 6.06 | 7.20 |
| 6 | JUMAAT | 9 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.40 | 12.12 | 3.34 | 6.06 | 7.21 |
| 7 | SABTU | 10 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.12 | 3.34 | 6.07 | 7.21 |
| 8 | AHAD | 11 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.13 | 3.35 | 6.07 | 7.22 |
| 9 | ISNIN | 12 | 4.44 | 4.54 | 6.17 | 6.41 | 12.13 | 3.35 | 6.08 | 7.22 |
| 10 | SELASA | 13 | 4.44 | 4.54 | 6.17 | 6.41 | 12.14 | 3.36 | 6.08 | 7.23 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998
(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123
NDMC 2380214

# Al-Quran sebagai panduan hidup belia syumul

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Dari muka 1

Perkara ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, selaras dengan tuntutan umat Islam dan seluruh umat manusia untuk mengkaji isi kandungan Al-Quran dengan mengamati ayat, ilmu dan rahsia yang tersirat di dalamnya sepertimana mafhum Surah Shad, ayat 29 : *"(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar".*

Golongan belia, sabda Duli Yang Teramat Mulia, adalah memainkan peranan utama dalam mencorakkan calak kemajuan masa depan rantau ini yang berlatarbelakangkan kepada berbagai cabaran dibawa oleh arus globalisasi, termasuk kecanggihan teknologi infokomunikasi semasa.

Ke arah itu, sabda DYTM lagi, musabaqah ini adalah juga dihasratkan menjadi wadah untuk membentuk keperibadian belia yang lebih baik, holistik dan menyeluruh selaras dengan titah ingatan paduka ayahanda DYTM supaya golongan belia perlu lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan yang mereka hadapi agar tidak mudah terjerumus dalam melaksanakan sesuatu perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Dengan demikian, adalah wajar bagi golongan belia Muslimin di rantau ini sentiasa disemai dengan nilai-nilai luhur sebagai generasi pewaris untuk menyuburkan zaman keemasan tamadun Islam, khasnya dalam menyebarkan kebaikan serta kerahmatan ajaran ugama Islam kepada seluruh umat manusia," sabda DYTM.

Menurut sabda DYTM lagi, seperkara yang menjadi kepentingan bersama ialah untuk meneruskan usaha bersepadu agar setiap belia sentiasa dibekalkan dengan keperibadian yang lengkap kerana masa depan kita sememangnya bergantung kepada belia yang berakhlak dan siap siaga untuk memajukan diri, masyarakat dan ummah secara keseluruhannya.

DYTM bersabda melahirkan harapan agar Musabaqah Belia ini akan terus dipertingkatkan ke arah mendekatkan lebih ramai belia Muslimin Asia Tenggara kepada Al-Quran, di mana setentunya penghayatan kepada dasar dan ajaran Kitab Suci Al-Quran adalah elemen yang akan terus menjamin keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran kita bersama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersama paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

Dalam hal ini, sabda DYTM, titah paduka ayahanda DYTM pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2019 mengenai "Amanah", iaitu "Amanah adalah wajib diamalkan" dan "Amanah adalah 'tiang seri' keadilan" yang sepatutnya dijadikan pegangan kehidupan.

"Dengan demikian, belia-belia hendaklah mempersiapkan diri masing-masing ke arah memikul tanggungjawab sebagai pewaris bangsa dan negara. Sifat amanah yang dimiliki dan dipraktikkan akan membawa berkat sepertimana jua amalan melazimkan diri untuk membaca Al-Quran dan mengamati maksudnya yang tersirat," sabda DYTM lagi.

Di sinilah, sabda DYTM, peranan signifikan bila mana golongan belia yang beramanah akan seterusnya menegakkan keadilan dalam setiap aspek kehidupan dan amalan.

Terdahulu, DYTM bersabda, selaras dengan hasrat murni paduka ayahanda DYTM serta dukungan berterusan ini terhadap penganjuran Musabaqah Belia sebagai platform bagi menyatukan belia Asia Tenggara dari berbagai latar belakang sosiobudaya ke arah memperkukuhkan syiar Islam dengan memartabatkan Kitab Suci Al-Quran.

# Berkenan berangkat ke Majlis Perasmian MTQBAT Ke-9



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersama paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba bagi Majlis Perasmian MTQBAT Ke-9, Tahun 1441H / 2019M, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 3 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

Ke muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan pada Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

**Dari muka 3**

Pada majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan Perasmian MTQBAT Ke-9, Tahun 1441H / 2019M.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, antara lain menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan bahawa keberangkatan DYTM di majlis tersebut mencerminkan sikap keprihatinan DYTM yang amat mendalam terhadap kepentingan Kitab Suci Al-Quran untuk dijadikan sandaran dalam menanai nilai-nilai Islam dalam kalangan belia.

Menurutnya, musabaqah merupakan landasan yang amat bernilai untuk meningkatkan lagi mutu bacaan Al-Quran, seterusnya dapat menyebarkan syiar suci Ugama Islam, khususnya dalam kalangan belia.

InsyaaAllah ujarnya, dengan adanya acara-acara keagamaan seperti inisiatif murni yang diilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Ukhuwah Islamiah dalam kalangan Belia Asia Tenggara akan diperkukuhkan lagi, di samping mengeratkan silaturahim yang sedia terjalin dalam kalangan warga serantau, terutamanya yang beragama Islam.

"Apa yang dihasrat dan dimatlamatkan melalui Majlis Musabaqah ialah penterjemahan pengajaran Kitab Suci Al-Quran dalam segala tindakan dan kehidupan demi memacu kejayaan dan kegemilangan umat Islam, khususnya dalam kalangan belia," terangnya.

Sebagai generasi penerus tambahnya lagi, amatlah wajar untuk disandarkan harapan kepada para belia untuk mengungguli dan mengagungkan Kitab Suci Al-Quran di sepanjang masa sebagai modal insan terbaik untuk menyumbang kepada kejayaan negara juga kemajuan ummah Islam pada masa kini dan yang akan datang.

Majlis MTQBAT Ke-9, Tahun 1441H / 2019M bagi malam pertama dimulakan dengan bacaan daripada enam peserta, iaitu dari Republik Kesatuan Myanmar, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Sosialis Viet Nam, Kerajaan Thailand dan Republik Filipina.

MTQBAT diadakan selama tiga malam berturut-turut, bermula malam ini hingga Khamis di tempat yang sama.

Seramai 22 peserta dari sepuluh buah negara rantau Asia Tenggara menyertai musabaqah kali ini dan turut dijemput ialah penyertaan daripada Republik Demokratik Timor Leste.

MTQBAT diadakan sejak tahun 2000, kali kedua pada tahun 2003, ketiga pada tahun 2005, keempat pada tahun 2007, kelima pada tahun 2011, keenam pada tahun 2013, ketujuh pada tahun 2015 dan kelapan pada tahun 2017.

Inisiatif kerajaan ini mendapat sambutan Negara-negara Anggota ASEAN dan Republik Demokratik Timor Leste yang menjadi kebanggaan negara kerana negara berupaya melakar satu program serantau yang memberikan kesannya terhadap belia-belia di rantau ini, antaranya memupuk dan menyemai persahabatan juga persaudaraan serta jaringan kerjasama Belia-belia Asia Tenggara, di samping membantu meninggikan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan Belia-belia Asia Tenggara dan menghubungkan kesinambungan mutu bacaan dari peringkat belia, seterusnya ke peringkat dewasa, sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin ketika sembah alu-aluan.







MAJLIS MTQBAT Ke-9, Tahun 1441H / 2019M bagi malam pertama dimulakan dengan bacaan daripada Tin Htut Aung dari Republik Kesatuan Myanmar (kiri); Lutpiatun Nisa dari Republik Indonesia (tengah); dan Nurul Husna binti Sharif dari Malaysia (kanan).







MAJLIS MTQBAT Ke-9, diteruskan dengan bacaan daripada peserta, Ab Dol Loh dari Republik Sosialis Viet Nam (kiri); Woralada Thavron dari Kerajaan Thailand (tengah); dan Kamaruddin G. Zaidon dari Republik Filipina (kanan).

# Skuad Wushu terus hadiahkan pingat buat negara

PHILIPPINES 2019
30TH SEA GAMES

Berita dan Foto :
Aimi Sani

**MANILA, REPUBLIK FILIPINA**, Selasa, 3 Disember. - Misi skuad negara untuk merebut sebarang pingat pada Temasya Sukan Asia Tenggara (Temasya Sukan SEA) 2019 dalam acara Wushu bagi tiga kategori yang disertai di Pusat Dagangan Dunia (World Trade Center - WTC) terus menunjukkan kemajuan apabila berjaya menghadiahkan negara satu lagi pingat perak dan satu pingat gangsa melalui acara Men's Duel dan Women's Taijijian.

Kelincahan gandingan Mohammad Safiee Shayferan bin Roslan dan Majdurano Joel bin Majallah Sain berjaya menempatkan Brunei di tempat kedua dengan kutipan mata 9.50 sekali gus meraih pingat perak bagi acara Men's Duel.

Pingat emas dimenangi oleh pasukan Indonesia dengan kutipan mata 9.54, manakala pingat gangsa pula dimiliki oleh negara tuan rumah, Filipina dengan 9.49 mata.

Sementara itu, bagi acara Women's Taijijian, Basma Lachkar terpaksa berpuas hati dengan pingat gangsa setelah tewas tipis oleh peserta dari Viet Nam Thi Minh Huyen dengan pungutan mata 9.63 bagi pingat perak dan Agatha Chrystenz dari negara tuan rumah, Filipina menyandang pingat emas dengan kutipan mata 9.65.

Manakala bagi acara Men's Nanquan, Mohammad Adi Salihin bin Roslan terpaksa akur dengan 9.62 mata sekali gus menempatkan dirinya pada tangga keempat daripada lapan peserta.



BERANGKAT menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Aliiyah Amalul Bulqiah.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Aliiyah Amalul Bulqiah.

Mohammad Safiee Shayferan, 15 dan Majdurano Joel, 17 ketika ditemui sejurus selepas penyampaian pingat sejurus upacara penyampaian pingat sukan Wushu pada Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 ketika ditemui berkata, ini adalah merupakan kali pertama mereka menyertai Temasya Sukan SEA dan sememangnya tidak menyasarkan apa-apa pingat kerana tidak mahu meletakkan harapan yang tinggi memandangkan atlet-atlet yang menyertai acara tersebut sudah lebih lama menyertai pertandingan ini dan setentunya mempunyai lebih banyak pengalaman.

"Kami berasa sungguh terkejut dan gembira apabila dinobatkan sebagai pemenang pingat perak bagi acara Men's Duel ini. Kami sungguh tidak menyangka di atas kejayaan ini. Kami juga ingin menyatakan ucapan terima kasih ke atas Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas kepercayaan yang diberikan kerana memilih kami untuk ikut serta dalam Sukan SEA pada kali ini," jelas mereka.

Skuad Wushu negara secara keseluruhan telah menyumbangkan satu pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa.

Kejayaan skuad Wushu negara diharap akan dapat membangkitkan lagi semangat sukan lain untuk melakar kejayaan di Temasya Sukan SEA Ke-30 ini.



GANDINGAN Mohammad Safiee Shayferan bin Roslan dan Majdurano Joel bin Majallah Sain berjaya menempatkan Brunei di tempat kedua dengan kutipan mata 9.50, sekali gus meraih pingat perak bagi acara Men's Duel (atas dan bawah).



BASMA Lachkar terpaksa berpuas hati dengan pingat gangsa setelah tewas tipis oleh peserta dari Viet Nam, Thi Minh Huyen (atas dan bawah).





# Adi Salihin sumbang pingat emas pertama negara






DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir; dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Aliiyah Amalul Bulqiah berkongsi kegembiraan dengan kemenangan atlet wushu negara, Mohammad Adi Salihin bin Roslan menjadi penyumbang pingat emas pertama kontinjen Brunei pada Temasya Sukan SEA 2019 selepas mendominasi acara Men's Taolu.

**Berita dan Foto : Aimi Sani**

**Dari muka 1**

Lebih istimewa lagi, emas dimenangi atlet berusia 19 tahun itu adalah pingat emas pertama buat Brunei pada temasya kali ini selepas penantian selama enam tahun apabila negara memenangi emas tunggal pada Sukan SEA 2013 di Myanmar melalui Lee Ying Shi dan Faustina Woo Wai Sii bagi acara Women's Duilian.

Aksi memukau Mohammad Adi Salihin berjaya memikat juri apabila dia mengutip mata tertinggi iaitu 9.64 mata bagi kedua-dua acara sekali gus mengatasi atlet Indonesia, Harris Horatius dengan catatan 9.63 mata bagi meraih perak juga buat kedua-dua acara.

Pingat gangsa milik atlet tuan rumah Filipina, Thornton Quieney dengan catatan 9.59 mata bagi Men's Nandao dan 9.60 mata bagi acara Men's Nangun.

Berangkat menyaksikan kejohanan tersebut seterusnya menyampaikan pingat kepada para pemenang, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Aliiyah Amalul Bulqiah.

Mohammad Adi Salihin ketika ditemui sejurus selepas selesai kejohanan berkata, beliau sememangnya tidak menyangka akan memenangi pingat emas pada Temasya Sukan SEA kali ini.

"Saya berasa sangat terperanjat apabila dinobatkan sebagai juara sekali gus memenangi pingat emas pertama negara selepas penantian selama enam tahun. Latihan serta kerja keras bersama jurulatih, Li Hui akhirnya membuahkan hasil yang cukup lumayan," jelasnya.

Sementara itu, Jurulatih Li Hui pula menyatakan rasa sangat lega dan berbangga kerana akhirnya segala kerja keras dan penat lelah anak didiknya berbaloi.

"Mereka memberikan persembahan yang sangat baik. Kelajuan, gerakan dan lompatan mereka boleh dikatakan hampir sempurna," ujarnya dengan nada teruja.

Manakala, Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Haji Muhd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani beliau mewakili seluruh kontinjen negara menyatakan kegembiraan di atas kemenangan pingat emas negara meskipun kelmarin berasa cemas dengan keputusan pertama (Men's Nandao) itu.

"Alhamdulillah dengan sokongan dan doa seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam, hari ini kita telah mendapat satu pingat emas buat kontinjen negara melalui sukan Wushu yang telah dinanti-nantikan sejak enam tahun yang lalu," tambahnya lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan kekeliruan yang telah disebarkan melalui sosial media dan juga keputusan melalui keputusan rasmi tuan rumah yang menyatakan bahawa negara memenangi pingat kelmarin adalah tidak betul kerana acara gabungan Mohammad Adi Salihin telah disambung pada hari ini.

Sementara itu, Hosea Wong Zheng Yu terus mempamerkan aksi cemerlang apabila beliau hari ini merangkul pingat gangsa dengan kutipan mata 9.60 bagi acara Men's Taijijiann.

Emas pula dirangkul oleh peserta dari Malaysia, Choon How Loh dengan kutipan mata 9.68 dan Thornton Quieney dari Filipina mendapat perak dengan kutipan mata 9.65.



ATLET Wushu negara, Mohammad Adi Salihin, 19 tahun, menjadi penyumbang pingat emas pertama kontinjen Brunei pada Temasya Sukan SEA 2019 selepas mendominasi acara Men's Taolu.





AKSI atlet Wushu negara, Mohammad Adi Salihin berjaya memikat juri apabila dia mengutip mata tertinggi, iaitu 9.64 mata (kanan). Sementara kanan sekali, Hosea Wong Zheng Yu mempamerkan aksi cemerlang apabila merangkul pingat gangsa.

# Skuad Bola Jaring raih pingat Gangsa



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah semasa berkenan mengabadikan gambar bersama skuad Bola Jaring negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Ketua Pasukan Bola Jaring Negara, Royal Bees pada upacara penyampaian pingat Sukan Bola Jaring Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 yang berlangsung di STA, Rosa Multi-Sports Complex, Laguna, Republik Filipina.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**MANILA, REPUBLIK FILIPINA**, Isnin, 2 Disember. - Penyertaan skuad Bola Jaring negara pada Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 akhirnya membuahkan hasil setelah mengalung pingat gangsa di upacara penyampaian Pingat Sukan Bola Jaring Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 yang berlangsung di STA, Rosa Multi-Sports Complex, Laguna, Republik Filipina, di sini.

Sekalipun kalah berdepan dengan pasukan-pasukan Thailand, Malaysia dan Republik Singapura pada persaingan peringkat saringan, namun skuad negara berjaya melayakkan diri ke pusingan separuh akhir kerana menyekat pasukan tuan rumah, Republik Filipina, tetapi akur setelah kecundang di tangan Malaysia pada peringkat separuh akhir kelmarin.

Terdahulu, berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Akhir Bola Jaring Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 di antara skuad Malaysia dan Singapura ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Ketua Pasukan Bola Jaring Negara, Royal Bees.

Skuad Malaysia menang selesa, 48 - 42 setelah menewaskan Singapura pada perlawanan akhir dengan membawa pulang pingat emas dan pingat perak disandang oleh Singapura.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan pingat tersebut kepada penerima-penerima pingat ialah Mayor Santa Rosa, Mrs. Arlene Arcillas.

Menyingkap prestasi pencapaian skuad Bola Jaring negara, pingat gangsa ini merupakan kali ketiga berjaya dikutip setelah skuad negara berjaya meraih pingat yang sama pada Temasya Sukan SEA Ke-28, 2015, di Singapura dan SEA Game Ke-29, 2017, di Kuala Lumpur, Malaysia.

Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 ini juga menyaksikan, penyertaan julung kali paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah dalam perlawanan di peringkat antarabangsa dalam Sukan Bola Jaring Temasya Sukan SEA.

YTM mampu mengalas tugas sebagai ketua skuad negara yang sudah setentunya mampu menyuntik semangat kepada skuad negara untuk berusaha lebih jauh lagi dalam arena sukan Bola Jaring di rantau ini.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah berkenan bergambar dengan *umpire* perlawanan Bola Jaring Temasya Sukan SEA Ke-30.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah berkenan menerima pingat dan maskot daripada Presiden Bola Jaring Filipina, Mr. Charlie Co.



AKSI pada perlawanan Peringkat Akhir Bola Jaring Temasya Sukan SEA Ke-30 di antara Malaysia dan Singapura.

# YDP MMN terima kunjungan hormat

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Disember. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (YDP MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladimir Borisovich Goncharenko. Majlis diadakan di Bilik Kunjungan Hormat YDP MMN di Bangunan Dewan Majlis.

Semasa Majlis Kunjungan Hormat tersebut, kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pandangan dan membincangkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama, terutama sekali dalam bidang kerjasama di antara parlimen. Kedua belah pihak juga menyatakan rasa gembira dengan pertukaran dan lawatan-lawatan di antara kedua buah negara dengan termeterainya Memorandum Persefahaman di antara Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam bersama The Federation Council of the Federal Assembly Persekutuan Rusia yang ditandatangani pada 19 Februari 2019.

Majlis Kunjungan Hormat tersebut menandakan hubungan baik dan kerjasama yang telah lama wujud di antara kedua buah negara.

Tuan Yang Terutama Vladimir Borisovich Goncharenko menghadapkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 September 2019.



**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib (kanan) menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladimir Borisovich Goncharenko.**

# JPP sambut Hari Pos Sedunia 2019

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos
Foto : Ihsan Abdul Haniff Mohamad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Disember. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) baru-baru ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Pos Sedunia yang ke-145 tahun bertempat di Jupiter Banquet Room, Hotel Starlodge, Jerudong dengan tema sambutan pada tahun ini ialah 'Delivering Development'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi dan Korporat), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohammad Daud bin Haji Abdul Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan, Penyelidikan dan Perkembangan), Pengiran Haji Mohd Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak; Pemangku Ketua Pos Agung selaku Pengerusi Majlis, Awang Haji Aminuddin bin Haji Mohd Taib, Ketua-ketua Eksekutif, Pengarah-pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya dan para jemputan dari agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan juga syarikat-syarikat swasta.

Acara Sambutan Hari Pos Sedunia dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Aminuddin bin Haji Mohd Taib, dan diikuti dengan ucapan tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi membuat beberapa penekanan iaitu: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penyerapan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri sebagai sebuah agensi di bawah MTIC.

Turut diserapkan ke MTIC adalah fungsi berkaitan Digital Nation yang sebelum ini di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga; Penubuhan Cyber Security Brunei (CSB) sebagai sebuah agensi kebangsaan juga di bawah kawalan MTIC. Cyber Security Brunei (CSB) bertanggungjawab melaksanakan inisiatif-inisiatif memantapkan keselamatan siber di Negara Brunei Darussalam; Untuk mengukuhkan lagi peranan dan penglibatan sektor perkhidmatan pos dalam ekonomi digital, pembaharuan dan inovasi perlu di titik beratkan; Salah satu matlamat di dalam Istanbul World Postal Strategy adalah untuk memastikan produk yang moden dan berdaya tahan.

Di bawah matlamat ini, antara strategi yang dikenal pasti, termasuk keperluan untuk mempercepatkan pembentukan *e-commerce solutions*, mempelbagaikan perkhidmatan produk dan perkhidmatan dan seterusnya memudah cara perniagaan (*business facilitation*) melalui rangkaian pos; Jabatan Perkhidmatan Pos telah melaksanakan beberapa perkhidmatan digital pos, seperti Track and Trace, Online Contact and Customer Service, Online lookup for postcodes, Addresses and Post Offices.

Antara perisian majlis Sambutan Hari Pos Sedunia tahun ini ialah mini forum yang bertajuk 'Transformation - Mindset Towards 4th Industrial Revolution - The Challenges in the Postal Industry'.

Beberapa panel jemputan telah memberikan penyampaian mereka yang berkaitan dengan industri pos mengikut perspektif bidang masing-masing. Antara panel yang telah dijemput adalah Pensyarah dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Mohd. Nabil Almunawar, Pengurus, Syarikat Jifee Technologies Sendirian Berhad, Victor Lee dan Pengarah Operasi, Dayangku Noorhidayati binti Pengiran Omar mewakili Syarikat Globex Global Logistics Sdn. Bhd.

Majlis diteruskan lagi dengan pemakluman dan penyampaian anugerah pekerja cemerlang bagi JPP bagi tahun 2019. Anugerah-anugerah tersebut adalah sebagai galakan dan motivasi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan JPP untuk berusaha lebih gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab harian masing-masing.

Majlis juga turut menyaksikan penyampaian penghargaan cenderahati kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos yang telah berkhidmat di Jabatan berkenaan selama 30 tahun dan ke atas. Penghargaan itu sememangnya dihasratkan bagi menghargai jasa yang telah mereka sumbangkan selama berkhidmat dengan JPP.

Majlis pagi itu juga diteruskan dengan memaklumkan pemenang-pemenang peraduan menulis surat kiriman bagi kanak-kanak yang berumur di antara 9 hingga 15 tahun.

Johan Peraduan Menulis Surat Kiriman disandang oleh Dayang Nuryn Nabiela binti Eswadi, tempat kedua diraih oleh Nur Yasmeen binti Zayd dan tempat ketiga ialah Muhammad Ashraf Daniel bin Muhammad Huzaimi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi seterusnya melancarkan projek usaha-sama JPP dan Syarikat OSCO Sendirian Berhad dalam menyediakan perkhidmatan penghantaran barangan (EMS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Mini Pameran juga diadakan dari rakan-rakan strategik perniagaan Jabatan ini dalam penyediaan ke arah perkhidmatan digital.

Sambutan Hari Pos Sedunia disambut bersempena dengan memperingati hari ulang tahun penubuhan Kesatuan Pos Sedunia (Universal Postal Union) sejak tahun 1874. Jabatan Perkhidmatan Pos berharap agar Sambutan Hari Pos Sedunia yang dikendalikan pada tahun ini akan dapat dimanfaatkan oleh rakan-rakan perniagaan dan orang ramai dalam membarigakan perkhidmatan-perkhidmatan pos yang sedia-ada dan akan datang.



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (dua, kanan) menyaksikan mini pameran sempena dengan Majlis Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-145 Tahun, bertempat di Jupiter Banquet Room, Hotel Starlodge, Jerudong.**




**SAMBUTAN Hari Pos Sedunia diserikan dengan mini forum yang bertajuk 'Transformation - Mindset Towards 4th Industrial Revolution - The Challenges in the Postal Industry', yang dikendalikan oleh ahli-ahli panel jemputan yang berkaitan dengan industri pos mengikut perspektif bidang masing-masing.**

# Tinjau kawasan dilanda banjir, Daerah Belait

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

**MERANGKING**, Selasa, 3 Disember. - Laporan banjir sejak 29 November 2019 hingga kelmarin menjejaskan beberapa kawasan di Daerah Belait, antaranya di Kampung Merangking Hilir, Kampung Sungai Mau, Jalan Kandul, Jalan Laid Lakang, dan Kampung Sukang yang melibatkan sebanyak 17 buah rumah dan 79 orang penduduk kampung.

Sehubungan itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan membuat lawatan meninjau ke kawasan-kawasan yang terjejas dengan banjir di Daerah Belait kelmarin.

Sebelum meninjau ke kawasan-kawasan yang dilanda banjir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mendengarkan penerangan daripada Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) Belait mengenai status terkini dan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan di kawasan-kawasan yang terjejas dengan banjir.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kemudian meninjau ke beberapa kawasan terjejas banjir, iaitu Simpang 1366, Kampung Merangking Hilir, Jalan Kandul, Jalan Laid Lakang, dan Kampung Sungai Mau, seterusnya menghulurkan catuan makanan kepada empat buah keluarga yang terjejas banjir di Jalan Kandul dan empat buah keluarga di Kampung Sungai Mau.

Sebagai usaha bersepadu dan muafakat, agensi-agensi kerajaan, khususnya Penghulu Mukim, Ketua Kampung, Jabatan Daerah Belait, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Perkhidmatan Perubatan Kecemasan Ambulans (EMAS), Pusat Kesihatan Kuala Belait, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Kerja Raya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei dan Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa bekerjasama juga membuat pemantauan secara berterusan ke atas kawasan-kawasan yang terjejas banjir.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kanan sekali) selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan mendengar penerangan daripada Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) Belait.

Hadir sama, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud; Pemangku Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail; Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin; Pemangku Pengarah NDMC, Awang Shahrin bin Haji Mohd. Jawie; juga pegawai-pegawai agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

# Sistem TVET mesti sepadan dengan perubahan pesat



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa menerima cenderamata pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

**BANDAR SERI BEGAWAN,** 3 Disember - Forum Perniagaan Pendidikan UK (UK Education Business Forum), Training Gateway Trade Mission 2019, yang dianjurkan bersama oleh Suruhanjaya Tinggi British di Brunei Darussalam dan Training Gateway dengan sokongan dari Kementerian Pendidikan, telah diadakan pada hari ini, bertempat di Dewan Songket, Tingkat 4, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Hadir selaku tetamu kehormat di forum yang julung kali diadakan itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Dengan bertemakan 'Continuous Professional Development', forum tersebut memberi tumpuan kepada mengenal pasti peluang untuk perkongsian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk menyampaikan program latihan yang diiktiraf sebagai sokongan kepada Wawasan Brunei 2035 bagi membantu membangunkan sektor keutamaan iaitu Tenaga, Pembinaan, Marin, ICT dan Hospitaliti dan Pelancongan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan generasi muda menjadi sangat mahir dan berkelayakan, serta kelulusan mereka diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan pekerjaan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapannya menjelaskan, "seperti negara-negara lain di rantau ini dan di seluruh dunia, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberi penekanan kepada TVET untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan memenuhi keperluan kemahiran negara."

"Di tengah-tengah Revolusi Perindustrian Ke-4, sistem TVET mesti sepadan dengan perubahan pesat di tempat kerja kerana ekonomi baharu memerlukan pekerja untuk memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam pengkomputeran awan *(cloud computing)*, analitik data besar, robotik, automasi serta Internet of Things (IoT) bagi melaksanakan tugas dengan lebih berkesan," jelas Yang Berhormat.

"Memandangkan peranan penting TVET dalam penyediaan tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh industri, terdapat tumpuan yang semakin meningkat ke atas pembangunan kemahiran bukan sahaja menyediakan belia bagi pasaran buruh, tetapi juga bagi mereka yang berada di pasaran buruh," tekannya.

Menurutnya, Forum Ekonomi Dunia meramalkan bahawa 35% kemahiran teras akan berubah dalam lima tahun akan datang dengan tahap intensiti yang berlainan di seluruh sektor.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa kunci untuk bertahan dalam Revolusi Perindustrian Ke-4 adalah keupayaan untuk menjadi pelajar seumur hidup atau sebaliknya risiko menjadi tenaga kerja yang tidak relevan.

"Sistem TVET perlu mengadaptasi dan berinovasi secara berterusan memandangkan transformasi perindustrian dan digital bukan sahaja akan menjejaskan ekonomi tetapi juga cara orang hidup, bekerja dan belajar," jelas Menteri Pendidikan.

Sehubungan itu, Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa Kementerian Pendidikan melalui pelan strategik lima tahunnya memberi penekanan kuat kepada pengukuhan pendidikan teras mereka terutamanya dalam menaikkan standard kemahiran literasi dan numerasi para pelajar apabila menamatkan pendidikan asas mereka.

"Ini adalah untuk memastikan bahawa asas-asas yang betul disediakan bagi mereka untuk menjadi pelajar seumur hidup. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk melabur lebih banyak kepada mereka yang sudah berada di pasaran buruh.

"Untuk menyokong ini, Kementerian Pendidikan baru-baru ini menubuhkan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk mempercepat dan mengukuhkan pembangunan sumber manusia negara melalui program pembelajaran sepanjang hayat.

Menurutnya, masih terdapat banyak kerja yang perlu dilakukan dan Yang Berhormat menyeru dan menjemput semua pihak sama ada orang awam, swasta, industri atau misi perdagangan *(trade missions)* bagi memainkan peranan dalam menyokong inisiatif berkenaan.

Ke muka 18

HALUAN

# Kepentingan falsafah pendidikan dalam Revolusi Industri 4.0

Dari muka 2

Dalam masa yang sama, penganjuran persidangan ini juga diharap dapat mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam menstrukturkan kurikulum dan pendidikan keguruan yang lebih komprehensif dan relevan dengan era Revolusi Industri 4.0 menerusi pembentangan hasil-hasil kajian ahli akademik dan penyelidik dari pelbagai negara.

Peramba / saya melihat usaha KUPU SB dalam menganjurkan persidangan seperti ini adalah sangat signifikan terutama dalam menghadapi pelbagai kemajuan dan pembaharuan era digital pada masa ini. Kita semua telah mengetahui bahawa masyarakat telah memahami dan bercakap tentang Internet of Things, Data Analytic, Massive Open Online Courses (MOOC), *virtual university* dan lain-lain lagi.

Setentunya tidak dapat tidak dan kita akui mengenai kepentingan integrasi teknologi dalam dunia pendidikan, namun begitu komponen yang perlu dititikberatkan dalam integrasi teknologi tersebut adalah bagaimana untuk kita memastikan dan mengadunkan elemen-elemen nilai murni agama dan sejagat akan dapat diterapkan dan dipupuk secara komprehensif dalam sistem pendidikan ke arah pembentukan insan holistik.

Justeru, peramba / saya menyeru kepada para pemikir, pengkaji dan ahli akademik agar dapat melihat dan menilai semula pernyataan falsafah pendidikan agar lebih relevan dengan perkembangan terkini, begitu juga dalam memformulasi falsafah pendidikan Islam dalam acuan terkini.

Di samping itu, peranan yang perlu dimainkan oleh pihak berautoriti dalam menjayakan misi dan visi pendidikan yang berteraskan falsafah pendidikan yang jelas.

Keiltizaman Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam usaha memartabatkan pendidikan sangat terserlah khususnya melalui peningkatan kualiti pengajian dan pendidikan, kedaulatan perlembagaan dan perundangan undang-undang Islam serta kesungguhan institusi pengurusan dan pentadbiran pendidikan dan agama Islam dalam memberi faham ilmu serta menegakkan syiar Islam di seluruh negara.

Peramba / saya mengambil kesempatan menyeru sekalian yang hadir khususnya penganjur persidangan, KUPU SB dengan kerjasama pihak yang berkaitan agar sama-sama duduk dan bertukar fikiran dan idea dalam membentuk ke arah meningkatkan kualiti ilmu para pendidik di samping memantapkan profesionalisme keguruan dari semasa ke semasa demi kelangsungan hidup bermasyarakat dan beragama di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini menurut acuan Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Syafii. Semoga kita semua selaku rakyat Brunei akan terus teguh berpegang dengan prinsip falsafah negara MIB dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba / saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur, para pemikir, pengkaji dan ahli akademik yang hadir pada pagi ini dan peramba / saya penuh berharap semoga dapatan dari persidangan ini akan memberi manfaat kepada kita semua umumnya dan kepada negara dan masyarakat Brunei khususnya.

Akhirnya, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahuma Salli Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala Ali Sayyidina Muhammad,* peramba / saya dengan sukacitanya merasmikan ICOTE 2019, KUPU SB.

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah Warahmatullahi Wabarkatuh.*

# 247 dijangkiti HIV, 2018



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menegaskan perkara tersebut semasa Majlis Pelancaran Forum 'Implikasi HIV di Tempat Kerja' sempena Hari AIDS Sedunia.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 2 Disember. - Jangkitan HIV meragut lebih daripada 32 juta nyawa dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan terdapat lebih daripada 37.9 juta orang hidup dengan HIV pada hujung tahun 2018 di seluruh dunia setakat ini.

Di Negara Brunei Darussalam, dari tahun 1986 hingga menjelang akhir tahun 2018, seramai 247 orang disahkan dijangkiti HIV dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap.

Daripada jumlah tersebut, seramai 191 (77 peratus) orang masih hidup dengan HIV dan jumlah kes tertinggi yang dilaporkan adalah pada tahun 2018, iaitu sebanyak 41 kes, di mana 93 peratus adalah terdiri daripada lelaki (38 kes) dan 32 peratus (13 kes) adalah dalam lingkungan usia 25 hingga 29 tahun.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menegaskan perkara tersebut semasa Majlis Pelancaran Forum 'Implikasi HIV di Tempat Kerja' sempena Hari AIDS Sedunia, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurutnya, sebahagian besar jangkitan adalah disebabkan tingkah laku yang tidak selamat dan jika perkara ini tidak dibendung dengan segera, dikhuatiri bilangan kes baharu HIV akan meningkat lagi dan menggagalkan matlamat negara untuk membanteras AIDS pada tahun 2030.

Justeru itu katanya, aktiviti-aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan sedia ada seperti saringan HIV, pendidikan pencegahan, amalan pencegahan jangkitan yang berkesan, khususnya kepada kumpulan berisiko tinggi perlu diperkukuhkan dan diteruskan.

"Jangkitan HIV merupakan salah satu penyakit berjangkit yang masih menjadi isu utama kesihatan awam yang mendapat perhatian dari seluruh dunia. Virus HIV yang menyebabkan jangkitan tersebut merosakkan sel-sel CD4 dalam sistem imun seseorang, di mana pada amnya, sel-sel CD4 adalah diperlukan untuk melawan sebarang jangkitan.

Ia dapat dijangkiti melalui tingkah laku yang berisiko seperti hubungan seks yang tidak selamat dan perkongsian jarum suntikan atau peralatan dadah yang tercemar; pencemaran cecair badan seperti darah, susu ibu dan juga daripada ibu kepada anaknya semasa dalam kandungan dan ketika melahirkan," terangnya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tanpa rawatan berkesan yang merangkumi kombinasi ubat Antiretroviral (ART), sistem imun seseorang yang dijangkiti itu akan semakin menjadi lemah hingga tidak berupaya untuk melawan jangkitan dan menangani penyakit-penyakit lain.

Jelas Yang Berhormat, ahli-ahli keluarga, rangkaian sosial, masyarakat setempat, termasuk di tempat kerja, tempat beribadah dan beriadah juga lain-lain memainkan peranan penting dalam memastikan isu stigma dan diskriminasi tidak timbul atau berleluasa.

"Ketakutan, stigma dan diskriminasi terhadap jangkitan HIV dan isu-isu yang berkaitan dengannya telah menunjukkan ia boleh menjejaskan keupayaan individu dan keluarga untuk melindungi diri mereka dan menjejaskan sokongan dan jaminan kepada mereka yang dijangkiti. Ia boleh menghalang atau merumitkan keputusan seseorang untuk menjalani ujian dan mendapatkan rawatan; pendedahan status dan sebagainya," tambahnya lagi.

Dalam hubungan ini katanya, kita semua berperanan untuk memastikan stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV tidak berlaku atau dapat dibanteras, sama ada kita berada di rumah, tempat belajar, tempat kerja atau tempat-tempat awam di mana orang ramai berkumpul.

Menurutnya lagi, ia dapat dicapai dengan melengkapi diri kita dengan maklumat yang betul mengenai HIV dan isu-isu yang berkaitan dengannya, supaya kita lebih memahami dan mengetahuinya, juga dengan memberi bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh mereka yang hidup dengan HIV.

Para pemimpin di peringkat global juga mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh masyarakat dalam membanteras AIDS dan dalam mencapai kesihatan untuk semua dalam deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang pertama mengenai liputan kesihatan sejagat yang diluluskan oleh Negara-negara Anggota pada September 2019.

# Masyarakat perlu fahami hak pekerja hidup dengan HIV



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Forum 'Implikasi HIV di Tempat Kerja' sempena Hari AIDS Sedunia.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 2 Disember. - Sambutan Hari AIDS Sedunia diraikan pada 1 Disember setiap tahun yang boleh menyatukan segenap pelosok masyarakat dari seluruh dunia bagi sama-sama meningkatkan kesedaran Human Immunodeficiency Virus (HIV).

Sehubungan itu, Pusat Promosi Kesihatan dan Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (Brunei Darusslam AIDS Council - BDAC) menganjurkan Forum 'Implikasi HIV di Tempat Kerja' sempena Hari AIDS Sedunia, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan , di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Forum, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Pada majlis tersebut, Naib Yang Dipertua (Pentadbiran) BDAC, Awang Mohd. Hazrin bin Daud dalam ucapan alu-aluannya, antara lain berharap dengan adanya forum yang diadakan itu, ia akan dapat mengupas lebih dalam lagi pemahaman masyarakat, terutama masyarakat di ruang kerja mengenai hak-hak pekerja yang hidup dengan HIV juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Walaupun dijangkiti HIV katanya, pekerja-pekerja tersebut jika dikesan dan dirawat awal dapat terus bekerja dan berkhidmat kepada masyarakat.

Kira-kira 200 peserta menyertai forum tersebut, terdiri daripada Pengurus dan Penyelia dari sektor awam dan swasta; Profesional Penjagaan Kesihatan; Profesional Sumber Manusia; Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan; dan Pemimpin Masyarakat; juga Mahasiswa dalam bidang Kesihatan, Perniagaan dan Pengurusan.

Ahli-ahli panel forum dari Kementerian Kesihatan ialah Ketua Bahagian Kawalan Penyakit, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Dr. Justin Wong; dan Ketua Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Dr. Alice Lai Swee Chean; sementara dari Kementerian Hal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh, Penolong Pesuruhjaya Buruh, Awang Rozan Justin Teo bin Haji Azlan yang membincangkan mandat dan dasar organisasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga undang-undang buruh tempatan dan peruntukannya untuk orang yang mempunyai kesihatan syarat, termasuk PLWHAS; diskriminasi dan stigmatisasi di tempat kerja.

Forum dipengerusikan oleh Pegawai Perhubungan dan Perhubungan Media dari TelBru, Dayang Siti Hajar Haji Mohd. Mahathir.

Objektif utama forum tersebut adalah untuk mengaktifkan warga kerja dalam memainkan peranan aktif bagi menangani masalah stigma dan diskriminasi Orang yang Hidup dengan HIV dan AIDS (People Living with HIV and AIDS - PLWHAs) dengan berkongsi maklumat terkini, berkaitan dengan HIV di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan amalan terbaik dalam dasar juga program HIV di tempat kerja dan untuk menjalin rangkaian bersama pihak berkepentingan mengenai kerja juga kesedaran HIV dan AIDS di NBD.





AHLI-AHLI panel forum dari Kementerian Kesihatan ialah Ketua Bahagian Kawalan Penyakit, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Dr. Justin Wong; dan Ketua Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Dr. Alice Lai Swee Chean; sementara dari Kementerian Hal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh, Penolong Pesuruhjaya Buruh, Awang Rozan Justin Teo bin Haji Azlan yang membincangkan mandat dan dasar organisasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga undang-undang buruh tempatan dan peruntukannya untuk orang yang mempunyai kesihatan syarat, termasuk PLWHAS; diskriminasi dan stigmatisasi di tempat kerja (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada forum tersebut.

# Hukum lebihan air yang diminum oleh kucing

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**KUCING** adalah mamalia yang hidup dalam lingkungan kehidupan manusia walaupun terdapat juga spesies kucing yang cenderung untuk menghindar daripada kehadiran manusia dan mempunyai habitat di kawasan semak. Kucing tetap mudah dan sering kita dapati di persekitaran kita terutama apabila kucing menjadi binatang peliharaan di rumah-rumah atau di tempat-tempat yang disediakan.

Sebagai binatang peliharaan, kucing mempunyai kedudukan yang cukup istimewa dalam kalangan penggemarnya sehingga ada yang disediakan tempat tidur berdekatan dengan tuannya. Semua ini ternyata menunjukkan akan keberadaan kucing yang sangat dekat dengan manusia. Justeru itu, persekitaran kita termasuk persekitaran rumah kita terdedah dengan bekas jilatan kucing.

Kucing mempunyai tabiat semula jadi menjilat dan meminum air menggunakan lidah dengan menarik semula lidahnya itu ke dalam mulut. Untuk melihat kucing menjilat dan meminum air di hadapan mata kita sendiri, sama ada kita sedari ataupun tidak, air dalam mangkuk di atas meja makan boleh sahaja diminum oleh kucing peliharaan kita. Begitu juga, air yang disimpan di dalam besen di luar rumah kita boleh sahaja diminum oleh kucing jalanan. Kita tidak perlu pergi jauh masuk ke dalam hutan atau ke negara lain.

Apabila lidah kucing mencecap air dalam mangkuk atau besen, adakah lebihan air dalam mangkuk atau besen itu suci? Adakah pakaian yang dicuci dengan campuran lebihan air yang telah diminum oleh kucing boleh dipakai ketika sembahyang?

**Hukum Lebihan Air Yang Telah Diminum Oleh Binatang**

Menurut istilah fiqh, *su'run* atau *as-su'ru* ialah baki atau lebihan minuman daripada air atau cecair lain atau apa yang masih kekal di dalam bekas selepas diminum atau dimakan.

Perbuatan meminum air dalam konteks ini disebut juga menjilat air iaitu mengambil air menggunakan tepi lidah dan bukan dengan anggota lain. Kata perbuatan menjilat lebih bersifat khusus. Perbuatan meminum air dengan cara demikian ini dilakukan oleh binatang seperti anjing, kucing dan lalat.

Dalam Mazhab Syafii, hukum lebihan air yang telah diminum oleh binatang adalah suci dan tidak makruh. Akan tetapi, hukum lebihan air yang telah diminum oleh anjing dan babi atau keturunan daripada salah satu binatang tersebut tetap najis. Imam an-Nawawi Rahimahullah ada menyebut mengenai perkara ini di dalam kitab al-Majmu' :

**Ertinya :** "*Dan menurut mazhab kita (Mazhab Syafii), bahawasanya lebihan air yang diminum oleh kucing adalah suci, tidak makruh. Demikian juga lebihan air yang diminum oleh semua binatang seperti kuda, keldai, binatang pemangsa (binatang yang memiliki taring dan kuku tajam), tikus, ular, cicak dan binatang lain yang boleh dimakan (dagingnya) dan yang tidak boleh dimakan (dagingnya). Maka lebihan air yang diminum oleh semua binatang itu dan peluhnya adalah suci dan tidak makruh kecuali anjing dan babi serta keturunan salah satu daripada kedua binatang tersebut.*"

Dalam bab 'Menghilangkan Najis' pula, Imam an-Nawawi Rahimahullah menyebutkan :

**Ertinya :** "*Lebihan air yang diminum oleh kucing, keldai, binatang pemangsa (binatang yang memiliki taring dan kuku tajam) tikus dan binatang lain selain anjing, babi dan keturunan salah satu daripada keduanya adalah suci, tidak makruh di sisi kita. Maka apabila binatang selain anjing, babi dan keturunan salah satu daripadanya menjilat makanan, nescaya harus dimakan makanan tersebut tanpa dihukumkan makruh. Apabila binatang tersebut meminum air, nescaya harus berwuduk dengan (lebihan) air tersebut.*"

**Hukum Lebihan Air Yang Diminum Oleh Kucing**

Sebagaimana yang telah dijelaskan, lebihan air yang telah diminum oleh kucing dan binatang lain hukumnya adalah suci kecuali lebihan air yang telah dijilat atau diminum oleh anjing, babi dan keturunan salah satu daripada keduanya.

Khusus bagi kucing, lebihan air yang telah dijilat atau diminum oleh kucing adalah suci kerana kucing adalah binatang yang suci. Bahkan tidak ada hukum makruh pada lebihan air tersebut.

Disebutkan dalam sebuah hadis daripada Kabsyah binti Ka'ab bin Malik Radhiallahuanha :

**Maksudnya :** "*Bahawasanya Abu Qatadah Radhiallahuanhu masuk ke rumah Kabsyah (isteri anaknya). Kabsyah menuangkannya (Abu Qatadah) air wuduk (ke dalam bekas). Kemudian datang seekor kucing lalu meminum air dalam bekas tersebut. Abu Qatadah lantas memiringkan bekas itu sehingga (memudahkan) kucing itu meminum air. Kabsyah berkata : "Abu Qatadah melihatku yang aku sedang memerhatikannya (keadaan kucing meminum air tersebut dengan kehairanan). Lalu Abu Qatadah berkata : "Adakah engkau terkejut wahai anak saudaraku?" - (Panggilan yang biasa digunakan dalam masyarakat arab terhadap anak sesama Islam). - Maka aku menjawab : "Ya". Abu Qatadah berkata lagi : "Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Ia (kucing) bukan najis (tidak mempengaruhi kenajisan air). Ia (kucing) merupakan binatang yang berkeliaran di sekeliling kamu.*" (Hadis riwayat Abu Daud)

**Hukum Lebihan Air Yang Diminum Oleh Kucing Yang Dilihat Memakan Najis**

Hukum lebihan air yang diminum kucing adalah jelas suci dan tidak makruh. Namun apa pula hukum lebihan air dalam bekas yang kadarnya tidak sampai dua *qullah*, jika air tersebut diminum oleh kucing yang dilihat sebelum itu telah memakan najis seperti bangkai?

Menurut jumhur ulama Mazhab Syafii, hukum lebihan air yang sedikit dan diminum oleh kucing yang dilihat telah memakan najis adalah sebagaimana berikut :

i. Kucing yang dilihat memakan najis, lalu menghilang dan dijangkakan atau diperkirakan semasa ketiadaannya itu, kucing itu boleh sahaja mendatangi dan meminum air yang kadarnya banyak sehingga pada kebiasaannya mulut kucing tersebut kembali menjadi bersih dan suci dengan air tersebut. Kemudian setelah itu ia kembali lalu meminum atau menjilat air di dalam bekas yang kadar airnya sedikit atau tidak sampai dua *qullah*. Maka yang demikian ini tidak menyebabkan lebihan air itu menjadi najis. Ini kerana apabila kucing itu menghilang kemudian meminum air, kita telah yakin akan kesucian air dalam bekas tersebut. Maka lebihan air dalam bekas tersebut adalah dihukumkan suci. Air yang diyakini suci tidak akan menjadi najis disebabkan sesuatu yang diragui.

Ini termasuk juga lebihan air yang diminum atau dijilat oleh kucing yang memakan atau terkena najis *mughallazhah*. Jika kucing itu menghilang dan diperkirakan menjilat air semasa ketiadaannya, iaitu dengan syarat diperkirakan air itu hendaklah bercampur tanah, kemudian kucing itu kembali meminum air dalam bekas, maka lebihan air dalam bekas itu adalah suci. Dalam perkara ini, memadai syarat kucing itu menghilang sekali sahaja tanpa perlu menggenapkan tujuh kali. Ini kerana, dalam tempoh satu kali ketiadaan itu, kucing pada kebiasaannya akan menjilat atau meminum air melebihi kadar basuhan yang disyaratkan untuk menghilangkan najis *mughallazhah*.

ii. Kucing yang dilihat memakan najis, kemudian meminum atau menjilat air yang sedikit sebelum pergi menghilang, maka hukum lebihan air dalam bekas itu adalah najis. Ini kerana apabila kucing itu tidak pergi menghilang, kenajisan pada kucing itu adalah diyakini.

iii. Kucing yang dilihat memakan najis lalu menghilang akan tetapi diperkirakan kucing itu tidak akan menemui air yang banyak atau tidak meminumnya. Kemudian kucing itu kembali lalu meminum atau menjilat air yang sedikit dalam suatu bekas, maka hukum lebihan air dalam bekas tersebut adalah najis.

Sungguhpun dikatakan pada kebiasaannya najis pada mulut binatang akan hilang setelah meminum atau menjilat air yang banyak, akan tetapi timbul juga perbahasan yang mempertikaikan kadar air yang diminum oleh kucing pada kebiasaannya sedikit dan tidak memadai untuk menghilangkan najis pada mulutnya. Pekara ini telah dijawab sebagaimana disebutkan dalam beberapa buah kitab antaranya Kitab Tuhfah al-Muhtaj, bahawasanya kucing itu meminum dengan mengambil air berulang kali sehingga air itu mengenai sekitar mulutnya lalu menjadikan keseluruhan mulutnya itu suci.

Berdasarkan penjelasan yang dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa lebihan air dalam bekas yang telah diminum atau dijilat oleh kucing dan binatang lain selain anjing, babi dan keturunan salah satu binatang tersebut adalah suci. Oleh kerana itu, lebihan air tersebut boleh digunakan untuk bersuci seperti berwuduk dan mandi hadas. Demikian juga lebihan air tersebut boleh diminum. Selain itu, pakaian yang dicuci dengan lebihan air yang diminum oleh kucing atau binatang lain selain anjing, babi dan keturunan salah satu daripada keduanya, ataupun pakaian yang dicuci dengan air yang bercampur dengan lebihan air tersebut boleh dipakai ketika sembahyang kerana tidak ada najis padanya.

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

# Hindari sifat membazir

MENUJU KEREDAAN ALLAH

**ISLAM** melarang keras umatnya mengamalkan cara hidup membazir. Pembaziran merupakan perbuatan mensia-siakan nikmat Allah kepada perkara-perkara maksiat yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Larangan mengenai pembaziran telah dijelaskan oleh Allah dalam Surah al-Israa', ayat 26, tafsirnya :

"*Dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak)*".

Sifat pemboros dan pembazir sama sekali tidak disukai Allah sehingga menganggap mereka yang boros dan membazir itu sebagai saudara syaitan. Ini berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Israa', ayat 27, tafsirnya :

"*Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang salah) itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya*".

Gambaran yang diberikan Allah terhadap orang yang melakukan pembaziran dalam ayat berkenaan amat keras kerana syaitan adalah makhluk yang paling ingkar terhadap perintah Allah. Oleh itu, sebagai umat Islam yang mengaku dirinya benar-benar beriman dengan Islam hendaklah menahan diri daripada pembaziran dan pemborosan kerana ia adalah perbuatan yang dibenci Islam.

Meskipun kita yang berkemampuan mempunyai hak untuk berbelanja berlebihan, tetapi dalam keadaan ekonomi sekarang, janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan atau boros sehingga membazir seperti kata pepatah Melayu, 'Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis'. Sebaiknya rancanglah terlebih dahulu barang yang ingin dibeli supaya tidak membazir. Keutamaan berbelanja perlulah diberikan kepada barang-barang yang diperlukan sahaja. Sebaik-baiknya biarlah berbelanja secara sederhana sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Furqaan, ayat 67, yang tafsirnya :

"*Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana kedua-duanya*".

Kita harus ingat bahawa harta yang dimiliki sebenarnya adalah hak milik Allah Subhanahu Wata'ala, kita hanya sebagai penerima amanah yang pasti akan ditanya dari mana harta yang kita peroleh dan ke mana kita membelanjakan harta tersebut. Oleh itu, berbelanjalah dalam perkara yang halal dan sentiasa bersyukur agar setiap perbelanjaan yang kita lakukan mendapat keberkatan.

Sebagai pengguna, kita hendaklah bijak mengurus perbelanjaan. Kita harus membuang sikap boros berbelanja, sebaliknya kita perlu membeli barangan yang dirasakan perlu dan jangan membazir dalam berbelanja, barulah kita boleh menjadi pengguna yang berhemah. Sebaiknya kita membanteras amalan pembaziran dan pemborosan yang keji itu dengan menggalakkan amalan berkebajikan seperti bersedekah.

# Berganding bahu meningkatkan kualiti hidup golongan OKU



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

Dari muka 1

Tema ini bertepatan dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membangun golongan OKU di negara ini, yang dilaksanakan melalui Pelan Tindakan di bawah Jawatankuasa Khas Warga Emas dan OKU, Majlis Kebangsaan Isu Sosial, yang mengandungi strategi aspek Pembangunan OKU, Kesejahteraan OKU, Kebajikan OKU dan Sistem Sokongan OKU.

Usaha negara juga sejajar dengan komitmen antarabangsa juga serantau dalam mempromosi dan memajukan hak juga kebajikan golongan OKU, iaitu United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities, Bali Declaration on The Enhancement of The Role and Participation of Persons with Disabilities in The ASEAN Community, dan ASEAN Enabling Masterplan 2025 : Mainstreaming The Rights of Persons with Disabilities.

NBD sentiasa mementingkan kesejahteraan dan kebajikan golongan OKU di negara ini, dan giat berusaha untuk memperkasakan penyertaan OKU dalam bidang pekerjaan, pendidikan dan masyarakat. Ini termasuk beberapa inisiatif secara berterusan seperti berikut, Pemberian Elaun Pencen Kelainan Upaya kepada golongan OKU; Peraturan di bawah Perintah Kawalan Bangunan melalui peruntukan Different Abilities Design Guidelines untuk memastikan semua bangunan baharu dapat menyediakan kemudahan dan akses bagi golongan OKU; Program-program dan peluang-peluang untuk menjalani kursus peningkatan kemahiran yang membolehkan golongan OKU mendapat pekerjaan atau memulakan perusahaan sendiri, termasuk mengetengahkan produk-produk OKU di dalam pasaran, dan menyediakan ruang-ruang keusahawanan bagi OKU dan warga emas di premis-premis, termasuk bangunan kerajaan; Program berkomunikasi secara inklusif, seperti pelaksanaan Bengkel Braille dan Mobiliti juga Bengkel Asas Bahasa Isyarat yang giat diadakan pada awal tahun ini; Inisiatif meningkatkan kepekaan orang ramai tentang kemahiran golongan OKU, termasuk dalam industri kreatif, seperti pameran-pameran bersifat inklusif yang mengetengahkan bakat-bakat seni lukis, dihasilkan oleh para pelatih OKU; Meraikan pencapaian sukan atlet-atlet para dalam pertandingan para di luar negara yang amat dibanggakan, seperti kejayaan memperoleh pingat emas pada Kejohanan World Para Bowling Tour 2019 di Filipina, pada 14 - 21 November 2019, dan memperoleh empat pingat di Temasya Sukan Arafura, Australia pada bulan April 2019. NBD berharap akan melibatkan penyertaan atlet para kebangsaan di Temasya Sukan SEA Games yang akan datang; dan Perancangan untuk membangun sebuah kompleks bangunan OKU yang akan menyediakan ruang-ruang dan kemudahan bekerja, belajar mahupun mengadakan aktiviti-aktiviti riadah dalam suasana yang selesa dan sesuai dengan keperluan OKU.

Usaha advokasi dan pemerkasaan golongan OKU di NBD sememangnya dilaksanakan melalui pendekatan Whole of Nation dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan, termasuk rakan-rakan strategik.

Dalam ini, pihak Majlis Kesejahteraan OKU dan persatuan-persatuan bukan kerajaan memainkan peranan penting dalam sama-sama mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai untuk menyokong hak OKU, terutamanya melalui aktiviti-aktiviti seperti mengadakan Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia (World Autism Awareness Day - WAAD) dan larian-larian amal di peringkat kebangsaan.

Sebagai langkah selanjutnya, tahap perkembangan golongan OKU di negara ini diberikan tumpuan, di mana NBD sedang mengadakan kaji selidik terhadap golongan OKU secara dua fasa.

Fasa pertama diharap akan mengumpulkan maklumat mengenai OKU yang berkhidmat di sektor kerajaan dan sektor swasta; dan fasa kedua pula dirancang akan mengumpulkan maklumat mengenai penglibatan OKU dalam masyarakat.

Usaha ini adalah bertujuan untuk memampankan lagi dasar-dasar, perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program sokongan kerajaan dalam memperkasa dan menjaga kesejahteraan OKU di negara ini.

Sempena Hari Antarabangsa OKU ini, kita perlu mengambil peluang untuk memperbaharui semangat agar sama-sama berganding bahu melalui pendekatan Whole of Nation, untuk membantu dalam meningkatkan kualiti hidup golongan OKU dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Marilah kita sama-sama meraikan dan menghargai sumbangan golongan OKU di negara ini kerana mereka juga merupakan aset yang amat bernilai bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, sosial dan kemakmuran negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Penghargaan yang tinggi diberikan terhadap pengorbanan pihak keluarga dan penjaga-penjaga OKU, di mana sokongan keluarga juga para pendidik amatlah berharga dalam memotivasikan dan memberikan panduan terhadap golongan OKU agar lebih berdikari juga berdaya tahan.

Selamat Menyambut Hari Antarabangsa OKU kepada golongan OKU, para ibu bapa dan penjaga-penjaga, Persatuan-persatuan OKU, juga para sukarelawan yang sentiasa mendukung golongan OKU di NBD.




**Insomnia merupakan kesukaran untuk tidur, atau tidak mendapat tidur yang secukupnya.**

Tempoh masa tidur setiap individu berbeza antara satu sama lain. Keperluan tidur seseorang berkurangan semakin umur meningkat.

## TANDA-TANDA DAN GEJALA INSOMNIA

- Sukar tidur
- Tidur yang tidak nyenyak dan sering terjaga pada waktu malam.
- Terbangun di awal pagi kemudian sukar menyambung tidur semula.
- Tidak rasa segar atau rasa letih bila bangun dari tidur, menyebabkan kerap tidur di siang hari.

## FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN INSOMNIA

- Waktu tidur yang berbeza-beza setiap malam.
- Tabiat minum minuman yang mengandungi kafein (seperti kopi, minuman kola) sebelum tidur
- Merokok sebelum tidur.
- Persekitaran tidur yang tidak selesa dan bising.
- Tekanan perasaan atau stres.
- Masalah-masalah kesihatan seperti penyakit yang menyebabkan kesakitan, masalah pernafasan atau kerap terasa ingin membuang air kecil.
- Masalah psikiatri seperti kemurungan, keresahan, skizofrenia dan gangguan bipolar
- Penyalahgunaan bahan seperti dadah dan ubat-ubatan.

## BILA AWDA PERLU BERJUMPA DOKTOR

Awda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika masalah tidur berlarutan atau mula mengganggu aktiviti harian awda.

Doktor boleh membantu mengenal pasti puncanya dan memberi rawatan yang sesuai termasuk kaunseling serta ubat tidur.

Elakkan dari mengambil pil tidur tanpa nasihat doktor. Pil-pil tidur seperti agen hipnotik berkesan untuk menghilangkan masalah tidur secara sementara, tetapi penggunaan secara berpanjangan boleh mengakibatkan gangguan kesihatan dan ketagihan kepada ubat tersebut.

## MENGATASI INSOMNIA

- Tetapkan waktu tidur yang sama setiap malam.
- Elakkan dari merokok atau meminum minuman yang mengandungi kafein dua hingga empat jam sebelum tidur.
- Pastikan tempat tidur yang selesa dan persekitaran yang sesuai.
- Jangan fikirkan apa-apa masalah sebelum tidur.
- Jika awda tidak boleh tidur, bangun dan cuba lakukan sesuatu yang menyenangkan seperti meminum susu suam.
- Lakukan senaman secara tetap 3 - 5 kali seminggu.
- Jangan banyak tidur secara berpanjangan pada waktu siang.

**Sumber : Kementerian Kesihatan, Maklumat lanjut sila hubungi 123**

# ...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong (duduk, tengah) semasa sesi bergambar ramai bersama peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) pada Majlis Perasmian PMB bagi Kampung Kiudang.

## 50 warga Kampung Kiudang sertai PMB

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**KIUDANG**, Selasa, 3 Disember. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) merupakan landasan bagi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya dalam mencapai Wawasan 2035.

PMB memberikan fokus kepada dua tema, iaitu 'Keusahawanan' dan 'Keutuhan Masyarakat' di mana penglibatan masyarakat terutamanya golongan belia di dalam memajukan ekonomi negara di bidang keusahawanan memainkan peranan penting dalam mempelbagaikan ekonomi negara agar mampu berdaya saing bagi menjamin kehidupan sosial yang lebih baik dan ekonomi yang mampan.

Perkara tersebut antara yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Sellahhuddin selaku Pengerusi Majlis ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Perasmian Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Kiudang.

Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Birau, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Seramai 50 peserta dari Kampung Kiudang menyertai program tersebut yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Saiful Bahri bin Haji Umarali.

Peserta PMB juga berkesempatan menerima beberapa pencerahan mengenai program peningkatan keupayaan keusahawanan bagi membangun Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) yang disampaikan oleh Darussalam Enterprise (DARe).

Menerusi taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai DARe, Dayang Nur Iffat Nazurah binti Abdul Razak antara lain menyentuh mengenai inisiatif dan program bantuan PMKS, akses pembiayaan, penyediaan ruang perniagaan, latihan dan perkembangan, akses pasaran, perkhidmatan sokongan dan juga promosi.

Menurutnya, DARe juga menyediakan program pembangunan keupayaan dengan kerjasama *stakeholders* dan *facilitators* untuk memperbaiki dan meningkatkan keupayaan dan kapasiti PMKS termasuk akses kepada kewangan dengan mengendalikan *industry business academy*, *accelerated bootcamp* dan *micro business bootcamp*, di samping terus berusaha untuk menyediakan perkhidmatan dan prasarana yang berkualiti bagi mendukung pembangunan perusahaan tempatan.



# MINDA PEMBACA

## Kerajinan Membawa Kejayaan

**KEJAYAAN** ialah seseorang itu telah berjaya mencapai matlamat dalam kehidupannya. Dalam mencapai kejayaan, ada banyak rintangan yang perlu dihadapi dengan kesabaran sehingga mereka diuji sejauh mana yang dapat dihadapinya sama ada dia mundur atau meneruskan langkahnya untuk berjaya.

**TAKLIMAT mengenai Undang-Undang dan Peraturan dalam Persatuan disampaikan oleh Pegawai Pendaftaran, Bahagian Pendaftaran Pertubuhan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dayang Norazlina binti Haji Ahmad.**



**TAKLIMAT mengenai Penyelewengan Aqidah disampaikan oleh Pegawai Ugama, Bahagian Penguatkuasa Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayangku Norleilawati binti Pengiran Haji Md. Salleh.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Disember. - Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam dari segi kepercayaan dan pengamalan adalah berasaskan Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah mengikut pendekatan al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dalam bidang Usuluddin dan Mazhab Imam Al-Shafi'e dalam bidang Syari'ah.

Pegawai Ugama, Bahagian Penguatkuasa Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayangku Norleilawati binti Pengiran Haji Md Salleh menjelaskan, sungguhpun fahaman Ahli Sunnah Waljamaah bertapak dengan kukuh di Negara Brunei Darussalam, namun negara ini tidak pernah sunyi dari cabaran dan ancaman terhadap kelestarian Ahli Sunnah Waljamaah.

"Ancaman ini datang dari pelbagai sudut termasuk wujudnya ajaran-ajaran songsang, aliran-aliran baharu yang ekstrem, amalan-amalan khurafat dan sebagainya," ujarnya semasa menyampaikan taklimat 'Kefahaman Ajaran Sesat' bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang berlangsung di Bilik Taklimat, Pusat Tingkatan Enam Meragang.

Beliau juga mengongsikan antara ciri-ciri ajaran sesat, iaitu mencemarkan kesucian Al-Quran dan hadis seperti memansukh, mengubah, mempertikai atau membuat tafsiran menyeleweng terhadap Al-Quran dan hadis; mengubah prinsip-prinsip asas dalam akidah Islam dan sebagainya.

Sesi taklimat PMB bagi Kampung Rancangan Perumahan Negara Meragang Mukim Serasa itu diteruskan dengan penerangan mengenai Undang-Undang dan Peraturan dalam Persatuan yang disampaikan oleh Pegawai Pendaftaran, Bahagian Pendaftaran Pertubuhan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dayang Norazlina binti Haji Ahmad.

Dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai penerangan Bahagian Pendaftaran Pertubuhan atau Registry of Societies ringkasnya RoS merupakan sebuah unit yang mengendalikan dan menguruskan pendaftaran semua pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan-Pertubuhan, (Penggal 203) di Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga mengongsikan visi bahagian tersebut untuk menjadi sebuah pejabat pengurusan pertubuhan-pertubuhan berdaftar profesional sejajar dengan visi PPDB, iaitu 'Bersama Ke Arah Keamanan Dan Keselamatan Yang Berkekalan'.

## PMB dedahkan pelbagai maklumat, undang-undang



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat MPK Kampung Kiudang (dua, kiri) semasa mengajukan soalan pada sesi soal jawab bersama agensi-agensi yang dijemput untuk memberikan taklimat bagi peserta PMB bagi Kampung Kiudang, Mukim Kiudang.**

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUTONG**, Selasa, 3 Disember. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan menerusi Sesi Taklimat Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Kiudang, Mukim Kiudang diteruskan lagi pada sesi sebelah petang di Pusat Kemasyarakatan Kampung Birau, di sini.

Hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat MPK Kampung Kiudang.

Taklimat bertajuk 'Menjaga Anak-anak Awda Selamat Dalam Talian (Keeping Your Children Safe Online)', disampaikan oleh Penganalisa Sekuriti (Security Analyst), Syarikat IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS), Dayang Siti Khadijah binti Haji Ismail.

Dayang Siti Khadijah dalam taklimatnya menjelaskan mengenai ancaman siber, tip pengguna bijak dalam penggunaan teknologi, termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT dalam kalangan anak-anak.

Manakala taklimat kedua, disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, JobCentre Brunei, Dayang Nurhayati binti Haji Zaini, bertajuk 'Isu Pengangguran dan Memilih Pekerjaan', antara lain menjelaskan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan seperti *online platform, job marketing,* Bimbingan Kerjaya; Sesi Temu Duga; Latihan dan Kursus; juga Jerayawara.

**Ke muka 19**

## Sistem TVET mesti sepadan dengan perubahan pesat

**Dari muka 9**

Terdahulu, Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengongsikan bahawa ini adalah peluang yang baik bagi Suruhanjaya Tinggi British dan rakan kongsi kerajaan (Jabatan Perdagangan Antarabangsa) untuk membawa lebih banyak syarikat UK ke Brunei Darussalam dan meneroka jalan lain seperti menyediakan TVET yang diiktiraf.

"UK mempunyai sejarah panjang mengenai TVET yang diperluaskan ke abad ke-12. UK adalah unik dalam mempunyai rangka kerja pendidikan bersepadu dari peringkat 1 - 8 yang merangkumi kedua-dua pendidikan dan latihan akademik dan vokasional," jelas Tuan Yang Terutama.

Menurut TYT, UK telah membangunkan model terkemuka dunia dalam Perantisan Sarjana/Siswazah, yang dikembangkan dalam perkongsian dengan majikan, kolej pendidikan tinggi dan universiti.

Selain itu, Tuan Yang Terutama juga mengongsikan bahawa syarikat-syarikat Brunei berpeluang untuk berjumpa dengan syarikat-syarikat UK semasa Perjumpaan 'Business to Business' pada hari ini, dan beliau berharap forum berkenaan akan terbukti bermanfaat dan berguna bagi kedua-dua syarikat Brunei dan UK, dan menjadi hasil sebenar bagi syarikat UK untuk menyokong Wawasan Brunei 2035.

Forum tersebut juga menyaksikan perbincangan panel bertajuk 'The Future of Work' yang dibincangkan oleh perwakilan dari Brunei Shell Petroleum, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), dan Pearson Asia.

Selain itu, juga terdapat pameran dari syarikat-syarikat seperti Aspire Consulting dengan tajuk 'Leadership 4.0 - Don't forget the people in I.R 4.0'; Activate Learning dengan tajuk 'A case study in transnational learning'; Explosive Learning Solutions dengan tajuk 'Comprehensive and tailored course design to meet your organisation needs OR Best Practices Training Needs Analysis (TNA)'; Pearson dengan tajuk 'International experiences in development of vocational education and TVET qualifications'; dan Training Gateway dengan tajuk 'Providing you with access to a network of training providers you can trust'.

Di forum tersebut juga diadakan Sesi Perjumpaan dan Perangkaian 'Business to Business' antara syarikat-syarikat tempatan dan UK.

بندر سري بڬاون ابو كارا كتمدونن إسلام 2019
BANDAR SERI BEGAWAN CAPITAL OF ISLAMIC CULTURE 2019
بندر سري بغاوان عاصمة الثقافة الإسلامية ٢٠١٩

# Keluaran Khas
## Puisi -Puisi

### BANDAR SERI BEGAWAN

(Sempena pemilihan Bandar Seri Begawan menjadi Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia 2019)

Detik dan peristiwa bersejarah
dikenang dan dirista
abadi dalam ingatan
Bandar Brunei
ditukar namanya menjadi Bandar Seri Begawan
tarikh bersejarah pada empat Oktober sembilan belas tujuh puluh
mengenang jasa Al-Marhum Paduka Sultan Haji
Sir Muda Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Pengisytiharan penuh sejarah
tepat pukul dua belas tengah malam
di Padang Besar Bandar Brunei
yang sekarang dinamakan sebagai Taman Haji Sir
Omar 'Ali Saifuddien.

Adalah suatu kebanggaan
Bandar Seri Begawan dipilih menjadi Ibu Negara
Ketamadunan Islam
bagi Rantau Asia 2019
dan sudah selayaknya Bandar Seri Begawan dipilih
kerana suasana kehidupannya menggambarkan suasana Islam
diamalkan dalam kehidupan dan peribadatan
dan larangan kepada perkara-perkara yang bertentangan
dengan Islam
bahkan di Bandar Seri Begawan berdiri megah dua masjid
besar dan indah
Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Merujuk sejarah,
kita pernah berbangga dengan Sultan Bolkiah
Sultan Brunei yang berwibawa
bunga bangsa
pejuang negara
membina sebuah empayar
di seluruh Borneo dan pesisirnya
termasuk Kepulauan Sulu dan pesisirnya
dan Brunei menjadi empayar berdaulat
kerana kebijakan, kepahlawanan dan keberanian baginda.

Sultan Bolkiah,
telah membawa Brunei ke zaman gemilang
disegani
cahaya melimpah
daulat dimegah.

Dan kini,
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
pemerintah yang juga penuh wibawa
adil, bijaksana, berjiwa rakyat
memegang tanggungjawab
untuk bangsa dan negara
membangun negara untuk duniawi dan ukhrawi.

Baginda mengambil tanggungjawab
menegakkan hukum syariah
tegas, sesuai dengan Brunei sebagai negara
Islam dengan falsafah MIB.

Baginda sentiasa prihatin dengan kebajikan rakyat
memastikan pembangunan tetap berjalan baik
perpaduan masyarakat dan bangsa tetap terjaga
pegangan beragama yang kukuh
dipastikan dalam kehidupan
sebagai bangsa beragama,
dan Brunei menjadi negara yang aman,
sejahtera dan harmoni
maka sesuailah
Bandar Seri Begawan menjadi Ibu Negara Ketamadunan Islam
bagi Rantau Asia 2019.

Dan Bandar Seri Begawan adalah pusat pemerintahan Brunei
Darussalam
sebuah 'Negara Zikir'
menjadikan Islam sebagai agama rasmi
dengan berfalsafahkan MIB
Alhamdulillah, pengiktirafan yang membanggakan kita.

**Morsidi M.H**
**Baitul Husna, Sengkurong,**
**Brunei Darussalam.**
**16 September 2019.**

...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

# Rombongan PMB kunjungi tempat bersejarah



**PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat semasa mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 3 Disember. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Jawatankuasa Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang, Mukim Serasa, meneruskan program berkenaan dengan mengadakan lawatan ke beberapa tempat di ibu negara.

Terdahulu rombongan yang terdiri daripada 34 peserta itu berpeluang melawat ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Ketibaan rombongan disambut oleh Pemangku Penyelia pusat berkenaan, Awang Haji Bakar bin Haji Jaludin, yang juga menyampaikan Taklimat Ringkas kepada para pelawat sebelum mereka dibawa beredar ke galeri-galeri untuk meninjau bengkel tradisional, yang memaparkan aktiviti menenun kain, menganyam, pertukangan perak dan tembaga, pembuatan keris, tasbih, seni ukiran juga songkok.

Antara tujuan lawatan adalah untuk mengetahui sejarah dan latar belakang juga melihat lebih dekat bahan pameran dan galeri di pusat berkenaan, di samping bagi memberikan pendedahan kepada para peserta rombongan mengenai kursus-kursus yang ditawarkan di pusat itu.

Rombongan seterusnya membuat lawatan ke Pusat Sejarah Brunei (PSB), dialu-alukan oleh Pegawai Sejarah Kanan, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad yang seterusnya menyampaikan Taklimat Ringkas mengenai Sejarah Penubuhan PSB, Visi dan Misi juga Tujuan PSB Ditubuhkan.

PSB, antara lain bermatlamat untuk menanamkan perasaan cintakan raja, agama, bangsa dan negara, di samping turut mendukung falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan memasyarakatkan sejarah Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Pada lawatan tersebut, rombongan dibawa melawat ke beberapa galeri pameran yang terdapat di pusat berkenaan, antaranya ke Galeri Era Kegemilangan Brunei yang memaparkan rentetan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Brunei, Hubungan Brunei dan Kuasa Barat, Brunei Pusat Perdagangan dan sebagainya.

Dewan Pameran Salasilah yang mempamerkan salasilah-salasilah yang mempunyai perkaitan penting dengan sejarah Negeri Brunei; Galeri Koleksi Manuskrip Borneo yang mempamerkan koleksi-koleksi manuskrip yang terdiri daripada beberapa dokumen dan surat perjanjian, bertarikh sekitar tahun 1846 hingga 1932.

Setelah itu, rombongan juga dibawa melawat ke Galeri Sejarah Brunei Tua yang mengandungi informasi berkenaan sejarah, Sejarah Brunei Tua atau Sejarah Awal Brunei, seterusnya ke Galeri Perlembagaan yang mengandungi rentetan peristiwa penting tentang sejarah awal Perlembagaan Negeri Brunei hingga kepada Pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September 1959.

Tujuan utama PMB diadakan, antara lain untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara, terutamanya dalam mencapai Wawasan Negara 2035.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan juga usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan, di samping dapat mengukuhkan jati diri juga menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

# PMB dedahkan pelbagai maklumat, undang-undang

**Dari muka 18**

Beliau seterusnya menjelaskan JobCentre Brunei merupakan 'One-Stop Career Centre' bagi para pencari kerja tempatan dan majikan di sektor swasta dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan juga latihan berkaitan untuk pencari kerja dan pekerja tempatan juga perniagaan.

JobCentre Brunei merupakan landasan kepada para pencari kerja untuk memohon jawatan kosong yang ada dengan mengakses perkhidmatan disediakan untuk meningkatkan *employability* dan *marketability*, selain berperanan sebagai fasilitator untuk membantu majikan dalam mengambil tenaga pekerja tempatan.

Sementara itu, Awang Haji Zuneidy bin Jumat daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan Taklimat, bertajuk 'Penyelewengan Aqidah'.

Awang Haji Zuneidy dalam taklimatnya menjelaskan, ancaman itu datang daripada pelbagai sudut, termasuk wujudnya ajaran-ajaran songsang, aliran-aliran baharu yang menyimpang, amalan-amalan khurafat, keganasan yang terkeluar dari erti jihad dan sebagainya.

"Sebahagian daripada kumpulan ajaran tersebut telah diambil tindakan dan diputuskan haram oleh pihak kerajaan dan ada juga hanya setakat fatwa.

Terdapat juga ajaran-ajaran sesat yang dibawa oleh individu-individu tertentu, di mana sebahagiannya dihadapkan ke mahkamah dan sebahagian yang lain pula diambil tindakan secara pentadbiran oleh pihak yang berwajib, sama ada dengan cara menasihati mereka atau mengharamkan pelakunya memasuki negara ini jika berasal dari luar negara," jelas beliau lagi.

Program PMB, antara lain bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan juga usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan, selain dapat mengukuhkan jati diri juga menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

## Apa Pendapat Biskita?

# Hidup lebih sihat, berpanjangan, bermakna

GAYA hidup sihat boleh ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarga dan masyarakat. Dalam meniti arus kemodenan yang berteraskan sains dan teknologi maklumat, faktor kesihatan masyarakat pada hari ini berada pada tahap yang membimbangkan pihak berkuasa terutamanya Kementerian Kesihatan di negara kita. Masalah wabak penyakit semakin menular dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia. Ini amat menggemparkan dan haruslah ditangani dari akar umbi sebelum nasi menjadi bubur. Persoalannya, apakah kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat?

"Dalam kehidupan sebenar, orang ramai lebih suka mengambil makanan yang bersifat mudah seperti mengamalkan pengambilan makanan ringan ataupun makanan segera. Tidak kurang juga masyarakat kita hari ini yang lupa kesan pengambilan makanan berlemak ataupun makanan yang mempunyai kandungan garam, gula atau *sodium glutamate* yang tinggi. Hal ini boleh mendatangkan pelbagai penyakit kronik seperti sakit jantung, darah tinggi ataupun kencing manis yang merupakan antara punca kematian tinggi di negara kita. Tumbesaran yang seimbang ditentukan oleh pemakanan yang seimbang. Oleh itu, ibu bapa haruslah menanam tabiat pemakanan seimbang dalam anak-anak sejak usia muda supaya menjaga diet mereka apabila dewasa nanti. Anak-anak perlulah diajar untuk minum air kosong atau jus buah-buahan yang asli serta mengutamakan sayur-sayuran dan buah-buahan dalam diet mereka. Sebagai memberikan contoh terbaik kepada anak-anak dan keluarga kita, kita sendiri selaku ibu bapa juga digalakkan untuk makan di rumah kerana makanan di luar, khususnya gerai-gerai makanan di sepanjang jalan biasanya digoreng dengan kandungan minyak yang tinggi. Jelaslah bahawa pemakanan yang seimbang dapat memastikan tubuh badan menerima semua khasiat yang diperlukan untuk menangkis kehidupan zaman moden. Dengan adanya pengamalan gaya hidup sihat gus ia melahirkan sikap atau mentaliti positif untuk menangani cabaran dan pancaroba di dunia luar". - **Affendy Suhaimi, BSB.**

"Mengamalkan gaya hidup sihat sebenarnya mampu mengurangkan beberapa masalah dan tekanan kehidupan ini sudah pasti disokong dengan adanya rehat yang mencukupi dan mengamalkan aktiviti bersenam. Sehubungan itu, pada pandangan saya, rehat yang mencukupi memainkan peranan penting dalam pengamalan gaya hidup sihat. Kepentingan amalan gaya hidup sihat seterusnya ialah pencegahan serangan penyakit. Pemeriksaan kesihatan secara berkala merupakan antara kaedah untuk menjamin satu kehidupan yang sihat. Selain itu, orang ramai perlu mengutamakan kebersihan diri bagi memastikan mereka terhindar daripada sebarang penyakit. Selain mengutamakan kebersihan diri, masyarakat juga perlu menjaga kebersihan persekitaran mereka, umpamanya, orang ramai digalakkan mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan taman perumahan kerana amalan seperti ini dapat mengelakkan pembiakan ejen-ejen pembawa penyakit seperti nyamuk, lipas, lalat dan sebagainya. Dengan cara demikian, orang ramai akan dapat menjauhkan diri daripada pelbagai penyakit serta membentuk kehidupan yang sihat". - **Atiqah Ramli, Mata-Mata.**

"Keburukan tidak mengamalkan gaya hidup sihat banyak membawa kepada akibat yang fatal dan ia mampu menuju kepada kematian atau strok sepanjang hayat. Dalam hal ini, semua pihak perlu bekerjasama untuk mengatasi masalah akibat tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Salah satunya ialah isu obesiti yang mana masalah ini kini kian merebak. Oleh itu, kita patut mencari cara untuk mengatasinya, antara salah satu caranya ialah dengan menjadikan senaman sebagai satu rutin. Ini kerana hampir kesemua penghidap obesiti berpunya daripada kurangnya bersenam. Selain itu, amalan gaya hidup sihat juga tidak semestinya dari segi pemakanan ataupun senaman. Ia juga boleh dikaitkan dengan kehidupan sosial seseorang individu. Pergaulan bebas yang tidak terkawal juga menjadi kesan kepada sebilangan masyarakat yang tidak mengamalkan gaya hidup sihat, ini berlaku kerana adanya segelintir masyarakat yang melakukan aktiviti yang tidak bermoral. Amalan gaya hidup sihat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita. Masyarakat jua harus peka dalam perkara ini untuk mengelakkan generasi yang akan datang terikut dengan amalan gaya hidup yang tidak sihat". - **Azahari bin Saidin, BSB.**

Bagi pandangan saya selaku penulis ruangan Apa Pendapat Biskita ini, pada zaman yang serba moden ini, negara kita semakin membangun dengan pesat dan masalah kesihatan juga bertambah 'Bagai cendawan tumbuh di waktu hujan'. Gaya hidup sihat boleh ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarga dan masyarakat. Sudah pasti dalam kehidupan era moden yang begitu banyak tekanan ini gaya hidup sihat menjadi satu matlamat yang perlu dicapai segera. Oleh itu, terdapat pelbagai tindakan yang boleh dilakukan untuk mencapai matlamat ini. Masyarakat semakin tidak menghiraukan kesihatan mereka malahan mereka hanya memberi kepentingan pada pendapatan mereka. Amalan gaya hidup sihat harus diterapkan dalam kehidupan setiap insan kerana kesihatan kita diibaratkan anugerah Tuhan yang sangat berharga. Bersenam juga dapat mencergaskan badan kita dan mencerdaskan otak kita. Selain itu, kita haruslah makan makanan yang seimbang bagi mengamalkan gaya hidup sihat mengikut piramid makanan. Kuantiti makanan yang kita ambil tidak boleh kurang atau lebih daripada piramid makanan. Ini dapat mengelakkan diri kita daripada masalah obesiti yang menggugat hampir separuh rakyat di negara kita.

Seterusnya, kerajaan harus mengadakan kempen-kempen dan program-program untuk memberitahu peri pentingnya gaya hidup sihat kepada rakyat. Barulah rakyat akan sedar peri pentingnya kesihatan mereka. Kerajaan juga harus menyediakan peralatan senaman dan juga taman rekreasi di setiap taman supaya rakyat dapat berekreasi. Tambahan pula, kerajaan harus membina banyak pusat sukan untuk melahirkan masyarakat yang cergas.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*

**i. Masalah Vandalisme Dalam Kalangan Pelajar**
**ii. Kegiatan Jenayah Dalam Kalangan Remaja**

## Kenali Bahasa Brunei

**gimpun** bermaksud cawan besi yang bertutup.
Contoh pemakaian kata : mun lagi daulu, ia tah dipakai ni **gimpun** ani untuk minum kupi.

**gilin** bermaksud bekas untuk menyimpan atau mengisi air yang dibuat daripada plastik.
Contoh pemakaian kata : masa kami ka laut mamukat, iatah kami pakai **gilin** atu, jalam membawa aing.

**Mamulasit** ialah bahasa kasar yang bermaksud tidur.
Contoh pemakaian kata : Si Awang atu tiap ari ani kuat **mamulasit**, dari pukul satu sampai tah ka magarib tu inda bangun-bangun.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## Selera Kampung Kitani

# KAMPUNG LUAGAN DUDOK




Foto : Hernie Suliana Haji Othman

## SAYUR PUCUK UBI MASAK LEMAK SAPAK IKAN MASIN

**BAHAN-BAHANNYA :**

2 ikat pucuk ubi
4 biji lada merah besar (dikisar)
10 biji lada padi (dikisar)
5 biji bawang merah (dikisar)
2 ulas bawang putih (dikisar)
Lengkuas sebesar ibu jari (dimamar)
2 potong kepala ikan masin (rendam dulu dengan air)
1 biji kelapa (ambil santannya)
Belacan, garam dan serbuk perasa secukupnya
Minyak dan air

**CARA-CARA MEMBUATNYA :**

Daun ubi yang lembut diramas dengan garam sampai lembut. Panaskan sedikit minyak dan tumiskan bahan-bahan yang dikisar juga lengkuas hingga naik bau. Kemudian masukkan daun ubi dan sedikit air. Setelah itu, masukkan kepala ikan masin, santan dan serbuk perasa secukupnya gaulkan rata dan biarkan sehingga masak.




# Kekalkan Tarian Adai-Adai, khazanah warisan budaya





Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

**DALAM** masyarakat yang serba berkembang maju dalam era globalisasi yang moden ini, kefahaman dalam sama-sama menjaga kesenian budaya etnik adalah sangat penting. Salah satu khazanah warisan kebudayaan negara yang berharga dan perlu dikekalkan supaya tidak pupus ditelan zaman ialah Tarian Adai-Adai.

Tarian Adai-Adai merupakan tarian tradisional masyarakat Brunei yang berdasarkan pada kehidupan kaum nelayan yang mana mengisahkan cerita kelompok nelayan pergi untuk menangkap ikan di laut sementara kaum wanita menunggu kepulangan mereka di pinggir pantai untuk membantu mengutip hasil tangkapan yang telah diperoleh.

Tarian Adai-adai ini biasanya ditarikan oleh pasangan empat lelaki dan empat perempuan dengan iringan pukulan rebana dan gambus serta nyanyian dengan irama hampir sama dengan rentak tari Zapin yang ada di Semenanjung Malaysia.

Penari-penari bagi tarian ini juga memakai pakaian khas yang berwarna-warni. Antara *props* yang digunakan dalam tarian ini ialah pendayung sampan dan nyiru. Kaum wanita akan membawa nyiru ketika menyambut kepulangan suaminya untuk membawa hasil tangkapan.

Pendayung pula berfungsi sebagai alat untuk menggerakkan sampan atau perahu yang digunakan pada waktu dulu.

Kadang-kala tiada alat muzik digunakan, sebaliknya suara yang mengiringi nyanyian adalah hentakan dayung di bagian pinara sampan atau perahu yang didayung serta pukulan buyung atau keduit. Tarian ini sering disajikan di acara-acara keramaian.

Biasanya, Tarian Adai-Adai diadakan semasa keramaian masyarakat Brunei ataupun menyambut ketibaan orang-orang kenamaan serta untuk menarik perhatian pelancong-pelancong yang datang untuk melawat dan melancong ke negara ini.

Berikut merupakan seni kata bagi lagu tradisi Adai-Adai :

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung*
*Pulau cemin dayang anding*
*jernih airnya jernih.*

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung*
*Tempat manyalam dayang anding,*
*karangan karang kerangan*

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung*
*Urang tingal dayang anding*
*sedih merasa sedih*

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung*
*Akan di lupa dayang anding*
*Kenangan kenang kenangan*

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung*
*Hulur sauh dayang anding,*
*Benang batali benang*

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung*
*Akan dilabuh dayang anding,*
*Cindana laut cindana*

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung*
*Hulur saja, oh dayang anding,*
*Terkenang akan terkenang*

*Adai-adai naindung dayang anding,*
*anding si dang naindung.*





# PEMEDAYAN - Wadah memartabatkan Melayu Kedayan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan PEMEDAYAN

MELAYU Kedayan merupakan salah satu daripada tujuh puak / etnik yang bertapak di negara ini yang hidup dengan suasana harmoni dan aman damai. Sepertimana puak / etnik lain, masyarakat Melayu Kedayan juga mempunyai adat resam dan budaya tersendiri yang harus dikekalkan dari generasi ke generasi.

Ke arah memperkasa dan memartabatkan Melayu Kedayan di negara ini agar menjadi masyarakat yang beragama, berbangsa dan berbudaya, maka sebuah organisasi telah ditubuhkan pada bulan Disember 2014 yang dikenali sebagai Persatuan Melayu Kedayan (PEMEDAYAN) dengan visi untuk terus berusaha mengekalkan budaya puak Kedayan supaya tidak hilang ditelan zaman kemajuan dan pembangunan.

**Tujuan Penubuhan**

Penubuhan PEMEDAYAN ini antara lain bertujuan mendukung kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan meningkatkan khidmat bakti dan mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kepada Negara Brunei Darussalam. Penubuhannya juga adalah bagi mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja dan Wawasan Negara dari semasa ke semasa. Dengan tertubuhnya PEMEDAYAN ini secara tidak langsung akan menjadi wadah bagi mengekalkan nilai-nilai murni dan budaya Melayu Kedayan seperti makan tahun, memucang-mucang, bergotong-royong, mesra keluarga dan tetamu, bersatu-padu dalam suka dan duka dan sebagainya serta meningkatkan dan mengukuhkan ekonomi Melayu Kedayan.

**Keahlian**

PEMEDAYAN ketika ini mempunyai lebih 150 ahli yang mana bagi Ahli Biasa terbuka kepada semua keturunan masyarakat Melayu Kedayan, Warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap yang berusia 15 tahun ke atas dan tinggal di negara ini. Bagi Ahli Bersekutu pula terbuka kepada mana-mana Warganegara Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap dari kalangan masyarakat lain yang berketurunan Jati Melayu Brunei berusia 15 tahun ke atas.

Bagi sesiapa yang ingin menjadi ahli bolehlah menghubungi Setiausaha Agung iaitu Awang Haji Mohamad bin Jamal melalui telefon bimbit : 8727887 atau Penolong Setiausaha Agung, Dayang Hajah Normatalilawati binti Haji Abd Manaf melalui telefon bimbit : 8607887.

**Aktiviti**

Bagi membarigakan dan memperkenalkan adat tradisi masyarakat Melayu Kedayan, persatuan ini telah dan sedang merancang beberapa aktiviti antaranya lawatan-lawatan ke Persatuan Kedayan Sabah, Labuan dan Miri serta lawatan dalam negeri, penerbitan poster dan *banner* PEMEDAYAN, mengadakan majlis-majlis atau bengkel yang berkaitan dengan masyarakat Kedayan, menerbitkan Kamus Bahasa dan perambahan Kedayan dan membuat kerja-kerja penyelidikan mengenai masyarakat Kedayan. Dari sudut perekonomian pula, beberapa aktiviti telah dan sedang disusun antaranya Car Boot Sale, seminar keusahawanan dan penubuhan Syarikat Warisan Kedayan iaitu sebuah syarikat yang membuka saham kepada Ahli-ahli PEMEDAYAN.

Dengan dukungan dan tajaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, PEMEDAYAN juga telah menyertai The 13th ASEAN +3 Cultural Workshop di Beijing dan Harbin, China 25 Julai - 4 Ogos 2018. Melalui peluang keemasan ini, PEMEDAYAN telah diberi pendedahan akan cabaran dalam melestarikan budaya dan bangsa puak-puak sejagat.

**Cabaran**

Cabaran utama yang dihadapi ialah dana untuk mengendalikan program-program tahunan. PEMEDAYAN adalah sebuah NGO yang dari segi kewangan bergantung sepenuhnya kepada hasil kutipan yuran tahunan dari ahli dan ini sama sekali tidak mencukupi untuk melaksanakan semua program-program yang dirancang.

Selain itu, ketiadaan pusat operasi PEMEDAYAN juga menyebabkan kerumitan dalam mengadakan aktiviti - aktiviti PEMEDAYAN seperti bengkel - bengkel, latihan kebudayaan, dan majlis - majlis seperti Khatam Al-Quran bulanan dan tahlil pada bulan Ramadan. Alat-alat kesenian dan kebudayaan yang dimiliki oleh PEMEDAYAN juga terpaksa disimpan di rumah-rumah ahli.

Mesyuarat-mesyuarat Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi terpaksa diadakan dengan meminjam dewan-dewan kemasyarakatan atau sekolah dan ada kalanya terpaksa diadakan di restoran-restoran apabila keduanya tidak kosong.

**Harapan**

PEMEDAYAN berharap untuk tampil ke depan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dalam sama-sama menjayakan Wawasan Negara serta kegiatan-kegiatan yang akan dapat melestarikan budaya, bahasa dan bangsa Kedayaan serta bekerjasama dengan ke-enam puak lainnya di negara ini dalam usaha ini.

PEMEDAYAN sebagai NGO juga boleh membantu kerajaan dalam sama-sama menyalurkan dasar-dasar negara kepada masyarakat akar umbi melalui aktiviti-aktivitinya yang telah dinyatakan terdahulu di samping dalam bidang pelancongan dan keusahawanan. Selain itu adalah diharapkan ramai lagi ahli masyarakat Kedayan yang akan menyertai PEMEDAYAN terutama sekali dari golongan belia untuk sama-sama membangun dan memajukan masyarakat Kedayan, kerana masyarakat yang kukuh akan membantu mengukuhkan negara.

Kesimpulannya, PEMEDAYAN ingin menjadi wadah perpaduan waris Kedayan untuk berganding bahu bersama masyarakat lain dalam membangun negara bersama kerajaan. Jadikanlah PEMEDAYAN sebagai rakan pembangunan negara.





# Boling Padang tambah pungutan perak melalui Pairs Wanita






**SKUAD Boling Padang lelaki dan wanita Negara Brunei Darussalam ketika bergambar ramai di CDC, Friendships Gate, Clark (kanan), sementara gambar kiri, pasukan boling padang negara wanita saat beraksi menentang pasukan lawan dari Malaysia. Manakala gambar bawah kiri, antara penyokong yang datang menyaksikan dan memberikan sokongan padu kepada pasukan negara yang bertanding.**

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**CLARK, REPUBLIK FILIPINA**, Isnin, 2 Disember. - Skuad boling padang negara terus mengharumkan nama negara dengan menambah lagi pungutan pingat perak bagi Kategori Pairs Wanita yang diadakan di CDC, Friendships Gate, Clark, di sini.



Gandingan Kategori Pairs Wanita, Dayang Esmawandy binti Brahim dan Dayang Hajah Amaliah binti Matali semasa memulakan perlawanan walaupun ketinggalan 0 - 2, namun mereka bermain dengan baik dan berjaya merapati kedudukan dengan pasukan lawan Malaysia, iaitu dengan kiraan 2 - 2.

Walau bagaimanapun, pihak lawan terus menambah lagi mata dalam *ends* ke-3 dengan kedudukan, 2 - 3, manakala *ends* ke-4 pula para pemain negara meninggalkan Malaysia dengan kiraan, 6 - 3.

Skuad Malaysia bangkit pada *ends* ke-5 dengan kedudukan, 6 - 8 dan konsisten dalam ends seterusnya, iaitu dengan kiraan 7 - 8, 7 - 11, 8 - 11, 8 - 13, 8 - 17, 9 - 18, 8 - 19, 11 - 19 sehingga *ends* ke 18 berakhir dengan keputusan, 12- 20.

Jurulatih Boling Padang, Awang Lokman bin Haji Mohd. Salleh ketika ditemu bual berbangga kerana pemain-pemain boling padang menunjukkan prestasi yang baik, walaupun terpaksa akur kepada pihak lawan.

"Syabas saya ucapkan kepada kedua-dua pemain negara kerana memberi persembahan yang menarik dan menunjukkan peningkatan dalam latihan dan perlawanan," tambahnya lagi.

Beliau juga turut melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada penyokong-penyokong negara yang datang jauh semata-mata untuk memberikan semangat dan sokongan kepada pemain boling padang negara.

Sementara itu, perlawanan yang sama juga diadakan bagi Kategori Pairs Lelaki, di mana pasukan negara tewas kepada Malaysia dengan kiraan *ends,* 8 - 21.

Bagi kategori Fours Lelaki, pasukan negara menang dengan kiraan *ends,* 17 - 15 terhadap Republik Filipina, manakala Kategori Triple Wanita mengalahkan Thailand dengan kiraan *ends,* 21 - 14.

Kategori Fours Lelaki akan meneruskan perlawanan pada 3 November menentang Republik Singapura bagi merebut kedudukan pingat emas di peringkat akhir melawan Malaysia, sementara Kategori Triple Wanita juga akan meneruskan perlawanan bersama Republik Filipina bagi menentukan pingat gangsa.

PHILIPPINES 2019
30TH SEA GAMES

---

# ALAI PINTAR
SOALAN 015

## SOALAN 4 DISEMBER 2019, RABU

1. *Di daerah manakah letaknya Taman Rekreasi Tumpuan Telisai?*
   - *a) Daerah Tutong*
   - *b) Daerah Temburong*
   - *c) Daerah Brunei Muara*
2. *Sultan Sharif Ali juga dikenali sebagai?*
   - *a) Al-Marhum Tumbang Di Rumput*
   - *b) Sultan Berkat*
   - *c) Nakhoda Ragam*
3. *Nyatakan bukit yang tertinggi di Labi, Daerah Belait?*
   - *a) Bukit Teraja*
   - *b) Bukit Agok*
   - *c) Bukit Saeh*

**TARIKH TUTUP : 16 DISEMBER 2019**

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI **BND38.00**

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ....................
Tarikh Lahir : ....................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ....................
Sekolah : ....................
Tahun : ....................
Alamat : ....................
....................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ....................

**PEMENANG ALAI PINTAR 014 :**
Name : Dhiya' Simia binti Silmi. No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 012547 - 01
Sekolah : Tadika Jaya Datin Hajah Malai Rogayah, Berakas

**JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 014**
1. b) Salah
2. c) 1,306 kilometer persegi
3. b) 32 batang gigi

# Sukan

**INFO SUKAN**

PERLAWANAN Akhir Bola Sepak Di Antara Cawangan bagi Pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menyaksikan Cawangan 'D' berjaya menumpaskan Cawangan 'B', sekali gus membawa gelaran juara dengan keputusan 3 - 1 yang diadakan baru-baru ini.

ePaper Pelita Brunei

# Pesilat wanita tambah koleksi pingat gangsa




DAYANG Anisah Najihah binti Abdullah (kanan), 22 tahun berjaya menyumbangkan pingat buat Negara Brunei Darussalam menerusi Kategori Seni Tunggal Wanita dengan memperoleh keseluruhan markah sebanyak 451 mata.

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**SUBIC, REPUBLIK FILIPINA**, Selasa, 3 Disember. - Dengan keazaman dan semangat serta tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala telah menyuntik semangat pesilat tunggal wanita untuk memberikan mutu persembahan yang terbaik sehingga dinobatkan pingat gangsa di arena gelanggang Pencak Silat di Subic Bay Exhibition and Convention Centre.

Dayang Anisah Najihah binti Abdullah, 22 tahun sangat terharu kerana penyertaan julung kalinya dalam Temasya Sukan Asia Tenggara (SEA) 2019 ini sungguh bermakna baginya kerana berjaya menyumbangkan pingat buat Negara Brunei Darussalam menerusi Kategori Seni Tunggal Wanita yang memperoleh keseluruhan markah sebanyak 451 mata dengan 282 mata ketepatan (*accuracy*) dan 169 mata kemantapan (*firmness*).

Skuad Indonesia melalui Puspa Arum Sari memenangi pingat emas dengan mendapat 467 mata manakala pesilat tuan rumah, Mary Francine Cezar Padios memperoleh 454 mata, sekali gus mengutip pingat perak.

Dayang Anisah Najihah ketika ditemui berasa sebak atas pencapaiannya kali ini kerana sebelum ini beliau tidak terlalu mengharapkan sangat mendapat pingat cuma beliau hanya perlu fokus dan memberikan yang terbaik.

Beliau mula menjalani latihan intensif sejak Ogos lalu dan pada masa yang sama, mahasiswi tahun akhir dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial di Universiti Brunei Darussalam itu perlu membahagikan masa dengan jadual latihan, di samping membuat ulang kaji untuk peperiksaan dan juga tesis pengajiannya.

Kegigihan dan usahanya akhirnya membuahkan hasil bagi diri dan keluarganya, terutama sekali mengharumkan nama negara dalam arena sukan




yang berprestij ini.

Selain sokongan dan doa, jurulatih beliau, Haji Md. Khairul Bahrin bin Haji Awang Durahman juga banyak memainkan peranan atas kemenangannya kali ini.

Menurut Haji Md. Khairul Bahrin, anak didikannya itu sudah mempamerkan persembahan semaksimum mungkin dan dapat dilihat Dayang Anisah Najihah lebih fokus dan keyakinannya juga meningkat serta mampu memperbaiki dan sangat berpotensi untuk cemerlang dalam sukan berkenaan.

Meskipun demikian katanya, terdapat juga kekurangan dari segi kekuatan dan kepantasan serta kerapian pergerakan yang akan diperbaiki demi kemajuan prestasinya pada masa akan datang.

Mengulas sedikit persembahan Dayang Anisah Najihah, jurulatihnya juga menerangkan mengenai kondisi staminanya yang agak terganggu berikutan tahap persekitaran dalam dewan yang agak sejuk mengganggu pernafasan beliau dan itu juga dirasakan oleh peserta dari negara lain.

Semoga skuad negara akan terus beraksi cemerlang ke arah menyumbang pingat buat negara di Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 kali ini.





DAYANG Anisah Najihah bergambar ramai bersama pingat yang dimenangi di arena gelanggang Pencak Silat di Subic Bay Exhibition and Convention Centre (kanan). Sementara gambar kiri, antara persembahan pencak silat daripada beliau.



دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن کراجأن، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam